

**B A B**

**D U A**

## **BAB 2**

### **SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM MU'AMALAT DALAM INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DAN BANK ISLAM DI MALAYSIA**

#### **1. Pendahuluan:**

Bank dan Syarikat Kewangan, adalah institusi kewangan yang penting dalam struktur ekonomi sesebuah negara. Pada akhir tahun 1993, jumlah bank dan Institusi Kewangan di Malaysia sahaja sebanyak 1,254 buah, iaitu terdiri dari 37 Bank Perdagangan dan 1,164 cawangannya, 41 buah Syarikat Kewangan dan 12 buah Bank Saudagar.<sup>1</sup> Walaubagaimanapun hanya sebuah bank sahaja yang menjalankan urusniaga sepenuhnya tanpa riba dari awal penubuhannya, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad yang mula beroperasi pada 1hb. Julai, 1983.<sup>2</sup>

Umat Islam di negara ini telah mula menampakkan minat yang tinggi untuk meninggalkan riba, mereka ingin mengurusniagakan wang mereka dalam sistem urusniaga tanpa riba. Mereka tidak sekadar mengharap sistem urusniaga tanpa riba wujud menempel kepada sistem kewangan konvensional yang sedia ada, tetapi

---

<sup>1</sup>. Bank Negara Malaysia (BNM), Wang dan Urusan Bank Di Malaysia, Kuala Lumpur: BNM, 1994, hlm. 150, 215 dan 229

<sup>2</sup>. Ibid., hlm. 355.

haruslah wujud sendiri sebagai pengganti kepada sistem urusan bank konvensional yang sedia ada sekarang ini.

Tiga bentuk perkembangan yang dimaksudkan dan yang akan dibincangkan di sini ialah:

- 2.1. Perkembangan Bank Islam (M) Berhad yang menjalankan Sistem Mu'amalat Islam semenjak awal penubuhannya.
- 2.2. Perubahan sistem urusan bank konvensional yang sedia ada kepada Sistem Mu'amalat Islam sepenuhnya.
- 2.3. Perkembangan unit-unit Mu'amalat dalam melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), di samping sistem urusniaga konvensional yang sedia ada.

## **2. PERKEMBANGAN BANK ISLAM (M) BERHAD DALAM PERLAKSANAAN SISTEM MU<sup>C</sup>AMALAT ISLAM SEMENJAK AWAL PENUBUHANNYA**

Di Malaysia, desakan supaya Bank Islam ditubuhkan telah disuarakan oleh masyarakat Islam yang terdiri daripada golongan akademik, ulama, ahli ekonomi Islam, ahli politik Islam, gerakan dakwah Islam dan pegawai bank. Kesan dari desakan yang datang dari berbagai pihak, maka satu Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 telah meluluskan usul mendesak kerajaan Malaysia, supaya membenarkan Lembaga Tabung Haji menujuhkan sebuah Bank Islam untuk mengumpul dan melaburkan wang umat Islam menurut Shari'at Islam.<sup>3</sup>

Kerajaan Malaysia telah menerima syor Lembaga Tabung Haji, supaya langkah bagi menujuhkan Bank Islam diselaraskan pada peringkat kebangsaan. Pada 30hb. Julai, 1981 Kerajaan telah melantik *Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam* dengan dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tun Mohar bin Raja Badiozaman. Lembaga Tabung Haji pula dilantik sebagai urusetianya.<sup>4</sup>

Bank Islam Malaysia Berhad telah memulakan operasinya pada 1hb. Julai, 1983, dengan sebuah cawangannya di Kuala Lumpur. Pada akhir tahun 1993, Bank Islam telah mempunyai 52 buah rangkaian di seluruh negara. Bank Islam

---

<sup>3.</sup> BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur: BIMB, 1984, hlm 5.

<sup>4.</sup> Ibid., hlm.6.

telah disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada 17hb. Januari, 1992.

Matlamat utama dan terpenting dari operasi Bank Islam ialah perlaksanaan "**Mu'amalat Urusan Bank dan Kewangan Tanpa Riba**". Matlamat ini wajar diutamakan dalam kegiatan Bank Islam sebagai satu alternatif kepada amalan membayar atau mengenakan faedah dalam sistem bank konvensional. Sistem Bank Islam mengutamakan prinsip berkongsi untung rugi, menjamin keadilan sosial yang lebih saksama dalam pengagihan untung rugi kepada penyimpan, peminjam dan pemilik saham.<sup>5</sup>

### **(1) OPERASI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)**

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah *Akta Syarikat 1965 (Akta 125)*.<sup>6</sup> Syarikat ini memperolehi lesen dari Bank Negara Malaysia untuk menjalankan bank perdagangan Islam di bawah *Akta Bank Islam 1983* yang berkuatkuasa pada 7 April, 1983<sup>7</sup>. Bank Negara Malaysia pula bertanggungjawab untuk menyelia, mengawal dan mengawasi perjalanannya mengikut akta yang sama. Seluruh kegiatan bank tersebut dijalankan berlandaskan lunas-lunas Shari'ah Islamiyyah seperti yang dijelaskan oleh Bank Islam sendiri;<sup>8</sup>

---

5. Ibid., hlm.7.

6. Lembaga Penyelidik Undang-undang, *Akta Syarikat, 1965 (Akta 125)*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1993.

7. BIMB, *Bank Islam malaysia Berhad*, KL:BIMB, 1984, hlm.8; BNM, Jabatan Ekonomi, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*, hlm.355.

8. BIMB, *Bank Islam Malaysia Berhad Perubahan dan Operasi*, hlm.9, BNM, Jabatan Ekonomi, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*, hlm.355.

*Pelaksanaan Bank Islam (M) Bhd., dalam semua perjalanan dan operasinya adalah berlandaskan kepada hukum dan peraturan Shara<sup>c</sup>. Hukum dan peraturan ini kebanyakannya adalah daripada kumpulan hukum dan peraturan ilmu Fiqah berhubung dengan Mu<sup>c</sup>amalat ekonomi dan urusan bank dan kewangan.*

Untuk memastikan agar urusniaga yang dijalankan oleh Bank tersebut sesuai dan menepati dengan hukum Mu<sup>c</sup>amalat Islam, maka Bank Islam Malaysia Berhad telah menubuhkan **Majlis Pengawasan Syariah** (Shariah Supervisor Council).<sup>9</sup> Peranan Majlis ini sangat penting, untuk memberi keyakinan dan kepercayaan umat Islam terhadap urusniaga yang dijalankan oleh Bank tersebut. Setiap ahli Majlis Syariah bertanggungjawab penuh untuk mengenal pasti dan menentukan setiap perjalanan urusniaga Bank tersebut benar-benar sah mengikut hukum Shara<sup>c</sup>.

Anggota Majlis Pengawasan Syariah sebenarnya memikul amanah yang sangat berat, mereka bukan sahaja memikul amanah umat Islam, bahkan amanah Allah s.w.t. supaya mereka dapat memestikan bahawa tidak berlaku urusniaga riba yang sangat-sangat dimurkai oleh Allah itu. Oleh itu Majlis Pengawasan Syariah diminta membuat akuan mereka seperti yang dapat dilihat di dalam Laporan Tahunan Kewangan Bank Islam Malaysia Berhad.<sup>10</sup>

<sup>9</sup> BIMB, ANNUAL REPORT 1993, hlm.5 ( iaitu Y. Bhg Prof Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim, Prof. Madya Mohd. Hashim Haji Yahya, Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Othman Ishak, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd. Khudzairi Haji Dainuri, Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbri *ia*, Sabri Salamion dan Dr. Abdullah Hj. Ibrahim).

<sup>10</sup> . BIMB, ANNUAL REPORT 1993, hlm.18. (Kami, dua orang daripada ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad bagi pihak ahli-ahli Majlis dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami operasi perniagaan Bank bagi tahun berakhir pada (tarikh) telah dijalankan mengikut hukum-hukum Shara<sup>c</sup>)

Oleh kerana itu, pemilihan mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang benar-benar layak dengan realiti tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Setakat ini BIMB masih dapat mengekalkan perlantikan ahli Majlis Syariah tersebut daripada mereka yang benar-benar berkelayakan sebagai ulama, mereka mampu memahami sistem kewangan Islam yang sedang berjalan sekarang, seperti nama-nama yang disenaraikan dalam Lapuran Tahunan 1993 BIMB. Kedudukan mereka merupakan aset yang sangat penting dalam teras pembangunan sesebuah institusi kewangan Islam seperti Bank Islam Malaysia Berhad yang mahu menjalankan sistem kewangan Islam.

Walau bagaimanapun, kewujudan Majlis Pengawasan Syariah sekarang ini, terasing antara satu institusi dengan institusi kewangan yang lain. Mereka juga bebas untuk mengeluarkan keputusan atau pendapat tentang urusniaga yang berlaku di tempat masing-masing. Mereka tidak terikat dengan keputusan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Pengawasan Syariah di institusi-institusi kewangan lain.

Majlis Pengawasan Syariah pada setiap institusi kewangan, sewajarnya mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain bagi mengeluarkan pendapat yang tidak bercanggah dengan prinsip umum kewangan dalam Islam. Setiap percanggahan boleh menjelaskan kewibawaan Majlis Pengawasan Syariah itu sendiri. Ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah seharusnya mempunyai rangkaian maklumat yang dapat menerima keputusan serta pendapat yang selaras dan bersepakutu.

**(2) FUNGSI DAN HUBUNGAN MAJLIS PENGAWASAN  
SYARIAH DALAM ORGANISASI BANK ISLAM  
MALAYSIA BERHAD**

Sebagai badan korporat, Bank Islam Malaysia Berhad mempunyai organisasi pentadbirannya sendiri yang berjalan di bawah akta Bank Islam Malaysia Berhad 1983 dan Akta Syarikat 1965 (Akta 125) sebagaimana dalam struktur pentadbiran yang dinyatakan di bawah ini:<sup>11</sup>

- (1) Lembaga Pengarah (Board of Directors)
- (2) Majlis Pengawasan Shari'ah (Shari'ah Supervisory Council)
- (3) Pengurusan (Management)
- (4) Setiausaha-setiausaha Syarikat (Company Secretary)
- (5) Juruaudit (Auditors)
- (6) Pejabat Berdaftar (Registered Office)
- (7) Pendaftar (Registrar)

Dalam struktur organisasi yang mantap itu, Majlis Pengawasan Syariah mempunyai kedudukan yang kuat dalam piramid organisasi, anggotanya yang ramai dan terdiri dari mereka yang berkelayakan sesuai dengan bidangnya masing-masing. Penyusunan tersebut sangat penting untuk kewibawaan Bank Islam Malaysia Berhad dalam melaksanakan operasi kewangan Islam yang sentiasa berhadapan dengan urusniaga kewangan konvensional.

---

<sup>11</sup>. BIMB, *Annual Report 1993*, hlm.2.

Penubuhan Majlis Pengawasan Syariah merupakan jaminan Bank Islam Malaysia Berhad untuk menentukan perniagaannya tidak terlibat dengan pengendalian yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam seperti yang dijelaskan dalam Akta Bank Islam;<sup>12</sup>

(b) *bahawa ada terdapat dalam artikel persatuan bank yang berkaitan, peruntukan bagi pemubuhan suatu badan Penasihat Syariah untuk menasihatkan bank mengenai pengendalian perniagaan banknya untuk menjamin ianya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam.*

Dengan peruntukan Akta Bank Islam yang tersebut itu, maka Majlis Pengawasan Syariah mempunyai fungsi yang sangat penting dalam mengawasi perniagaan yang dijalankan oleh bank tersebut sentiasa berlandaskan hukum-hukum Islam. Ada beberapa bahagian yang sangat penting untuk sentiasa dikenal pasti oleh Majlis Pengawasan Syariah, iaitu:

1. Bentuk urusniaga kewangan yang dijalankan oleh bank mestilah sentiasa mengikut urusniaga yang berlandaskan syarat dan rukun perniagaan Islam yang sempurna.

Sumber-sumber dana bank mestilah dikenal pasti dari sumber dana yang dihalalkan oleh Islam.

3. Akaun urusniaga kewangan Islam tidak boleh bercampur aduk dengan akaun urusniaga kewangan konvensional.

---

<sup>12</sup> . BIMB, *AKTA BANK ISLAM 1983*, (5) (b), hlm.4.

4. Urusniaga kewangannya tidak melibatkan urusniaga yang diharamkan oleh hukum-hukum Islam.
5. Tidak terlibat dengan segala bentuk wang dan pengendalian yang berunsur riba.

Majlis Pengawasan Syariah bertanggungjawab untuk turun kelapangan urusniaga bagi mengenal pasti sejauh mana pengendalian perniagaan bank berjalan mengikut hukum Islam atau tidak. Sekiranya bank terlibat dalam pelaburan, maka Majlis pengawasan Syariah akan turun melihat sendiri aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilabur oleh bank itu tidak bercanggah dengan kehendak Islam. Ahli Majlis tidak seharusnya hanya mendengar laporan atau penjelasan yang dikemukakan oleh bank kepada mereka, tetapi mereka akan turun sendiri menyiasat apakah bank benar-benar menjalankan urusniaga dengan cara Islam dan melibatkan kewangan yang dihalalkan oleh Islam.

Setelah Majlis Pengawasan Syariah mengadakan penyiasatan yang rapi barulah mereka membuat keputusan mengenai urusniaga yang akan dijalankan oleh bank itu diharuskan oleh Islam atau tidak. Menurut Datuk Dr. Abdul Halim, Pengerusi Eksekutif BIMB Securities Sdn. Bhd., bahawa dalam pelaburan saham umpamanya, Majlis Pengawasan Syariah akan membuat keputusan mengenai saham yang boleh diurusniagakan oleh BIMB Securities.<sup>13</sup>

Keputusan Majlis Pengawasan Syariah akan dipatuhi dan diambil kira oleh bank, sekiranya pandangan dan keputusan mereka tidak dipatuhi, maka tidak ada ertiinya mereka dilantik, sedangkan mereka tidak boleh berfungsi. Maka

---

<sup>13</sup> Berita Harian, Ihb. November, 1996, hlm 2 (Berhati-hati pilih saham)

kerana itu kedudukan mereka sangat penting dalam organisasi pentadbiran bank, tanpa kedudukan dan autoriti yang diberikan kepada mereka, mereka tidak akan dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan keputusan atau pandangan yang mereka buat mungkin tidak akan diambil perhatian oleh bank.

### **(3) ASAS-ASAS PERJALANAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

Berdasarkan kepada kajian dan keterangan yang diberikan, Bank Islam Malaysia adalah satu institusi kewangan yang segala undang-undang, peraturan, cara-cara prosedurnya dan seluruh perjalanan operasinya mestilah secara jelas menyatakan kewajipannya mematuhi lunas-lunas Shari'ah Islam. Bank Islam telah meletakkan tiga asas yang sangat penting dalam menjalankan perbankan Islamnya seperti yang berikut ini:<sup>14</sup>

#### **(3.1) ASAS-ASAS AQIDAH (FAITH AND BELIEF).**

Penubuhan Majlis Pengawasan Syariah sekalipun penting, tetapi tidak akan bermakna, jika sekiranya asas-asas penting hukum Islam itu tidak dipakai. Asas-asas ini bergantung di atas keyakinan bank dan ahli Majlis Pengawasan Syariah untuk mengambil atau tidak mengambil sebagai landasan yang kukuh dalam setiap aktivitinya. Sumber yang kukuh itu hanya akan dianggap sah dan benar sekiranya sumber pengambilannya adalah dari al-Qur'an, al-Hadith dan Ijma'e Ulama.

Keyakinan kepada hukum Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith itu adalah merupakan manifestasi dari kepercayaan dan keyakinan atau iman

---

<sup>14</sup> . BIMB, *Overview On Islamic Banking Practice (SPTF Series)*, Seminar On Islamic Banking Practice, (KL: BIMB, 1994) page 3.

seseorang kepada Allah dan RasulNya. Jika kuat keyakinannya maka kuatlah dorongannya berpegang kepada hukum *Shara'* dalam menjalankan urusan kewangannya. Kekuatan aqidahnya itu berpegang kepada prinsip bahawa manusia hanya pemegang amanah ke atas harta yang di bawah kuasa dan jagaannya, kerana setiap harta termasuk wang, hakikatnya adalah milik kepunyaan Allah s.w.t.. Manusia tidak memiliki apa-apa di dunia ini, bahkan harta kekayaan yang didakwanya sebagai miliknya juga adalah hak milik Allah yang mutlak. Manusia hanya diberi amanah untuk menjaga dan mengurusnya berdasarkan kepada perintah pemiliknya yang sebenar iaitu Allah dan manusia akan ditanya tentang amanahnya itu. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

*Setiap kamu adalah penjaga, dan setiap kamu akan ditanya tentang jagaannya itu.<sup>15</sup>*

Oleh kerana pemilik yang mutlak ialah Allah, maka harta dan wang bank juga adalah milik Allah. Setiap pelanggan yang berurusniaga dengan bank adalah mengurus harta yang diamanahkan oleh Allah kepadanya. Bank pula adalah pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengurusniagakannya. Jika setiap pelanggan, pengusaha bank dan yang berurusniaga dengan bank memahami hakikat tersebut, maka wajarlah ia meyakini bahawa amanah Allah itu mestilah juga diurus sesuai dengan kehendak pemilik mutlak yang sebenarnya melalui hukum-hukum Mu'amalat Islam.

Bank Islam telah meletakkan aqidah Islamiyyah sebagai asas pegangan tertinggi yang mendasari seluruh perjalanan kewangannya di tengah-tengah arus ekonomi sekular yang mengutamakan riba. Perbezaan antara Bank Islam Malaysia dengan bank-bank konvensional ketara dapat dilihat di atas dasar tersebut, Bank Islam mengutamakan hukum Allah dalam mencari keuntungannya

---

<sup>15</sup> Muslim, *Sahīh Muslim*, jld.3, hlm.1459 (Hadīth bil 1829)


melalui urusniaga yang halal, tetapi bank-bank konvensional hanya mengutamakan keuntungan semata-mata sekalipun dengan urusniaga riba yang dimurkai Allah.

### **(3.2) ASAS-ASAS SHARI'AH (SHARI'AH BASIS).**

Asas kedua penting dalam perjalanan perbankan Islam di Bank Islam Malaysia ialah asas-asas Shari'ah. Terdapat dua aspek hukum-hukum Shari'ah yang menyentuh amalan harian dalam kehidupan umat Islam, terutama yang ada hubungkait dengan kewangan. Pertama; ialah **Hukum-hukum Ibadat**, kedua; ialah **Hukum-hukum Mu'amalat**.<sup>16</sup>

**CARTA (1):**

**Struktur Aktiviti Mu'amalat Islam**



Sumber: BIMB, Overview On Islamic Banking Activities,

16 BIMB, Overview, page 3.

### **(3.2.1) Hukum-hukum Ibadat.**

Hukum-hukum Ibadat iaitu hukum-hukum yang mengatur hubungan manusia dengan Allah. **Hukum Ibadat terbahagi dua;** Pertama: **Ibadat Khusus**, iaitu ibadat yang ditentukan secara jelas dan terperinci rukun-rukun dan syarat-syaratnya seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, sembahyang sunat , puasa sunat, sedekeh, umrah, membaca al-Quran, bezikir, berwirid dan sebagainya.

Kedua: **Ibadat Umum**, iaitu segala tindak tanduk manusia yang baik, tidak terikat dengan syarat rukun untuk mengesahkan sesuatu perbuatan mereka. Tetapi setiap perbuatan mereka itu tidak terlepas dari balasan Allah s. w. t., sekiranya perbuatan tersebut baik akan dibalas baik oleh Allah, sekiranya buruk akan dibalas dengan buruk, yang baik dapat pahala, yang buruk dapat dosa. Pahala diberi ganjaran syurga dan dosa diberi ganjaran dengan neraka. Seperti makan, minum, tidur, mandi, bekerja mencari rezki, berjiran tetangga, menghormati tetamu, menghormati ibu bapa, orang-orang tua, melayani isteri, suami, anak-anak, saudara-mara, semua itu boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan ikhlas kerana Allah. Dalam hal tersebut Allah s. w. t. berfirman yang maksudNya;

*Dan sesiapa yang beramal dengan amalan kebaikan, sekalipun seberat zarah, nescaya Allah akan melihatnya (membalasnya dengan baik). Dan sesiapa yang mengerjakan kejahanan, sekalipun seberat zarah, nescaya Allah akan melihatnya (membalasnya dengan buruk) juga.*

(Surah al-Zalzalah: ayat 7 & 8)

### **(3.2.2) Hukum-hukum Mu<sup>c</sup>amalat.**

Hukum Mu<sup>c</sup>amalat ialah hukum yang mengatur kira bicara seseorang manusia dengan manusia lain bagi memenuhi keperluan masing-masing terutama dibidang ekonomi, seperti berjual beli, pinjam meminjam, hutang berhutang, sewa menyewa, gadai menggadai, simpan menyimpan, tempah menempah dan sebagainya. Hukum Mu<sup>c</sup>amalat ialah suatu sistem yang pada umumnya, merangkumi aktiviti ekonomi, sosial dan politik. Kesempurnaan hidup muslim adalah terletak di atas kesempurnaan ketiga-tiga aktiviti yang tersebut itu. Aktiviti ekonomi hanya merupakan salah satu daripada beberapa aktiviti mu<sup>c</sup>amalat. Aktiviti perbankan Islam dan pembiayaan Islam pula hanya merupakan salah satu daripada aktiviti ekonomi seperti dalam **carta (1)**.

Dalam Islam, setiap tindak tanduk atau aktiviti seseorang tidak boleh terlepas daripada hukum Shara<sup>c</sup>. Ada lima tingkatan hukum yang menentukan kadar kewajipan seseorang dalam melaksanakan hukum Shara<sup>c</sup>, kelima-lima hukum tersebut semuanya bersandarkan kepada sumber *al-Qur'an* atau *al-Hadith* atau *al-Ijma<sup>c</sup>* atau *al-Qiyas*. Hukum-hukum tersebut ialah wajib, sunat, harus, makruh dan haram.<sup>17</sup>

Mencari rezeki untuk menanggung keluarga dengan perniagaan yang halal adalah wajib. Dalam konteks Mu<sup>c</sup>amalat; berurusniaga dengan urusniaga yang halal adalah wajib, menu buhkan sistem kewangan Islam dan bank Islam untuk kepentingan ekonomi umat Islam adalah wajib, melaksanakan sistem sosial Islam, pendidikan Islam dan politik berdasarkan Islam hukumnya adalah wajib juga.

---

<sup>17</sup>. Ibid., page 5.

Diberi pahala jika melaksanakannya, berdosa dan akan diseksa Allah jika meninggalkannya.

Memberi pinjaman *al-Qard al-Hasan* adalah sunat yang sangat-sangat digalakkkan, jika membayar pinjaman dilebihkan sedikit dengan kerelaan hati sendiri maka itu adalah sunat, tetapi jika membayarnya cukup-cukup dengan jumlah yang dipinjam dahulu tidaklah ia berdosa. Semua yang tersebut itu adalah aktiviti-aktiviti mu'amalat yang wajib dilaksanakan sebagai perintah Allah, seperti yang digambarkan dalam **CARTA (1)** Struktur Aktiviti Mu'amalat Dalam Islam, firman Allah, maksudnya;

*Dan berikanlah pinjaman yang baik, dan apa sahaja yang kamu berikan dari diri kamu, kamu akan mendapat balasan dari Allah yang lebih baik dan kamu akan mendapat sebesar-besarnya balasanNya.*

(Surah *al-Muzammil*, ayat 20)

Seseorang penyimpan atau penabung yang membuka akaun bank, bebas untuk memilih jenis akaunnya, sahada akaun semasa Mu'amalat atau akaun simpanan Wadi'ah. Dalam hal tersebut harus ia memilih mengikut kepentingannya sendiri.

Perbuatan menggadaikan barang-barang kemas tanpa tujuan, meminjam wang tanpa tujuan, atau berbelanja secara berlebih-lebihan, semua itu hukumnya makruh, dilakukan tidaklah berdosa, tetapi tidak baik pada Shara'e, sebaliknya, jika seseorang itu meninggalkan perbuatan seperti itu ia akan diberi pahala oleh Allah s.w.t..

Berususniaga dengan urusniaga riba adalah haram, melabur dalam pelaburan yang haram adalah haram, mengambil bunga atau faedah simpanan atau pinjaman adalah haram, membuat pinjaman membeli rumah, kereta, tanah dan alat-alat elektrik dengan cara riba adalah haram, melakukannya berdosa dan meninggalkannya akan diberi pahala. Firman Allah yang maksudnya;

*Allah telah menghalalkan jual beli,  
dan telah mengharamkan riba.  
(Surah al-Baqarah, ayat 275)*

Aktiviti perbankan dan pembiayaan Islam yang dijalankan oleh Bank Islam Malaysia Berhad adalah sebahagian daripada aktiviti Mu<sup>c</sup>amalat Islam. Sebagai Bank Islam setiap aktivitinya tidak terlepas dari kelima-lima hukum yang tersebut itu, setiap operasinya tidak boleh bertentangan dengan *al-Qur'ān*, *al-Hadīth*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*. Berpegang kepada Shari'at Islam dan sentiasa merujuk kepada sumber asas tersebut, hendaklah menjadi budaya amalan perbankan dan pembiayaan dalam Bank Islam Malaysia Berhad sepanjang masa.

### **(3.3) ASAS-ASAS AKHLĀQ (AKHLAQ BASIS).**

Dalam urusniaga Islam, *akhlaq* seseorang yang terlibat dalam urusniaga adalah sangat penting. Dalam konteks Mu<sup>c</sup>amalat; sifat jujur dan amanah, bertanggungjawab dan ikhlas, bermanis muka dan sedia memberi pertolongan, bertimbangrasa dan cermat boleh menjadikan institusi kewangan mendapat kepercayaan pelanggan-pelanggannya.. Aqidah tidak akan kukuh dan subur, amalan Shari'ah tidak akan sempurna dan berjaya, jika sekiranya setiap kerja dan tindak tanduk kakitangan dan pegawai-pegawai institusi kewangan membelakangkan kemuliaan akhlaq, adab dan sopan santun terutama ketika berurusniaga dengan pelanggan-pelanggan.

*Akhlaq* yang mulia tidak hanya ditafsir pada wajah lahiriah yang dapat dilihat dengan mata kepala semata-mata, bahkan mestilah dipraktikan seiring dalam setiap urusniaga Mu'amalat Islam itu. *Akhlaq* hanya akan sempurna dan berkesan sekiranya hati dan jiwa dalaman bersifat dengan sifat yang terpuji atau *makhluq*, jujur, amanah, benar dan bertanggungjawab. Sifat-sifat inilah yang dapat menyelamatkan wang bank dan wang orang ramai yang diamanahkan kepadanya dari segala bentuk penyelewengan dan kecurian. *Akhlaq* dalamanlah yang menjadi pendorong yang kuat untuk menjalankan kerja dengan kemahiran yang tinggi dan kecekapan yang setara.

Institusi-institusi kewangan atau bank yang melaksanakan kesepaduan asas-asas Shari'ah dalam urusniaga mereka, akan diberikan Allah **TIGA JAMINAN**:

### **(3.3.1) Jaminan Mendapat Keredaan Allah.**

Meletakkan keredaan Allah dalam seluruh aktiviti perbankan dan pembiayaan akan diberkati Allah. Mengharapkan keredaan bermaksud menjalankan urusniaga yang halal dan sentiasa mematuhi tuntutan Shari'ah. Sesiapa yang memberikan pinjaman dan pembiayaan dengan mengharapkan keredaan Allah akan diberkati Allah, ianya tidak bererti menafikan samasekali keuntungan dari dunia perniagaan, tetapi yang dimaksudkan ialah tidak menjadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat perniagaan sehingga mengeneplikan sifat insaniah, adab kesopanan yang tinggi dan luhur. Keberkatan bererti keuntungan yang lebih dari rezeki Allah yang tidak diketahui dari mana dan bila datangnya, kerana rezeki Allah itu maha luas, Allah berkuasa memberikan

rezekinya kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya sehingga tidak terhitung banyaknya, Allah berfirman yang maksudNya;

*Sekiranya kamu memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik, nescaya Allah akan menggandakan balasannya bagi kamu, dan Allah pasti akan mengampunkan dosa kamu.*

(Surah al-Taghabun, ayat 17)

### **(3.3.2) Jaminan Mendapat Kepercayaan Umum.**

Institusi kewangan Islam yang mempunyai keyakinan untuk menjalankan sistem kewangan Islam dan perbankan Islam dalam institusinya akan mendapat kepercayaan dari masyarakat umum. Kepercayaan tidak hanya terbatas kepada masyarakat Islam sahaja, tetapi juga masyarakat bukan Islam, bahkan masyarakat antara bangsa di dunia Islam telah dan akan memberikan kepercayaan dan sokongan yang sangat menggalakkan.

Tinjauan yang telah dibuat di Bank Islam Malaysia Berhad, terdapat ramai dari kalangan masyarakat yang bukan Islam telah berurusniaga dalam beberapa produk yang disediakan oleh BIMB. Bank Rakyat Malaysia dalam kenyataannya juga telah menjelaskan, lebih kurang satu pertiga pelanggan al-Mudarabahnya adalah terdiri dari masyarakat yang bukan Islam. Antara alasan yang mereka nyatakan ialah sistem Islam memberi keadilan dan keuntungan yang lebih baik dari sistem konvensional.<sup>16</sup>

Keyakinan yang kuat oleh institusi kewangan dan bank terhadap sistem kewangan Islam yang dijalankan, serta kepercayaan masyarakat pelbagai kaum dan

---

<sup>16</sup> . Kenyataan Akhbar oleh Dr. Affifuddin Omar (Pengerusi Bank Rakyat), Berita Harian Shb Jan. 1995.

agama, telah meletakkan sesebuah institusi kewangan Islam dan perbankan Islam mampu bersaing dengan bank-bank konvensional yang menjalankan sistem riba. Bahkan institusi bank yang menjalankan skim perbankan tanpa faedah mengakui bahawa dalam tempoh enam bulan pertama skim tersebut dilaksanakan telah menampakkan pertumbuhan yang lebih baik dari sistem konvensional yang ada dalam bank itu sendiri.<sup>19</sup>

Dalam tinjauan yang diadakan, kepercayaan umum tidak menjadi masalah terhadap institusi bank atau kewangan. Kepercayaan yang masih ditunggu-tunggu ialah dari kerajaan sendiri, sebagai pihak yang bertanggungjawab menu buhkan Bank Islam Malaysia Berhad. Kerajaan juga telah melancarkan skim perbankan tanpa faedah untuk dijalankan oleh institusi bank konvensional. Tetapi hanya Kerajaan Kelantan sahaja yang meletakkan semua kewangannya dalam Bank Islam Malaysia Berhad. Kerajaan Pas Kelantan satu ketika dahulu dianggap pengkeritik yang kuat terhadap Bank Islam yang dianggapnya tidak Islam telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Bank Islam, sehingga difahamkan oleh pegawai bank tersebut tanpa akaun Kerajaan Negeri Kelantan, Bank Islam akan menghadapi krisis kewangan.<sup>20</sup>

Dengan itu saya berpendapat bahawa badan-badan berkanun, jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, KWSP, sebahagian kerajaan-kerajaan negeri dan lain-lain lagi tidak memberikan minat yang baik dengan meletakkan akaun mereka ke dalam Bank Islam, antara mereka lebih bermimat membuka akaun di bank-bank riba, seolah-olah mereka tidak mempercayai

<sup>19</sup>. Temubual dengan pegawai Unit-unit Mu'amalat daripada BNM, BBMB, Bank Rakyat, May Bank dan bank-bank lain dalam Seminar On Islamic Banking Practice di Holiday Inn City Centre, KL pada August, 1994.

<sup>20</sup>. Temubual dengan pegawai BIMB, Jln. Raja Laut, pada Julai, 1993

kewibawaan sistem yang telah dijalankan oleh Bank Islam yang ditubuhkan oleh mereka sendiri. Sedangkan Allah s. w. t. berfirman yang maksudnya;

*Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (mematuhi Shari'at Allah), nescaya Allah akan tunjukkan jalan keluar (yang lebih baik), dan Allah (pasti) akan memberikan rezekiNya kepada sesiapa sahaja (yang mematuhiNya) dengan tidak terhingga banyaknya.*  
*(Surah al-Talāq, ayat 3)*

Sebagai umat Islam kita mengharapkan, semua institusi kerajaan sedikit demi sedikit mestilah turut menyumbang dan membantu perkembangan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) ini secara langsung dengan membuka akaun kewangan di SPTF, tidak hanya sekadar melancar, menuju dan menjalankannya sahaja, tetapi wang kerajaan sendiri disalur melalui urusniaga riba di intstitusi kewangan dan institusi bank yang mengamalkan riba. Kita berbangga pembiayaan perumahan dan kenderaan kakitangan kerajaan sekarang telah melaksanakan skim pembiayaan secara Islam mengikut prinsip al-Bai' Bithaman Ajil, kita percaya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga akan mengikut jejak langkah tersebut dengan menukarkan sistem kewangannya kepada prinsip-prinsip Islam. Hanya dengan sokongan kuat badan-badan kerajaan serta badan-badan korporat, institusi kewangan Islam dan bank Islam akan berjaya di peringkat antara bangsa.

### **(3.3.3) Menjamin Kesejahteraan Ekonomi Umat**

Jaminan ketiga: Di atas perlaksanaan prinsisp-prinsip Islam dalam sistem kewangan oleh institusi kewangan Islam atau institusi perbankan Islam, akan memberikan kestabilan ekonomi umat dan berpotensi untuk mengurangi maslah ekonomi di samping berpotensi untuk mengurangi masalah ekonomi negara dari inflasi. Semakin banyak cukai dikenakan semakin tinggilah kos yang terpaksa ditanggung, serta semakin meningkat harga barang yang terdapat di pasaran.

Kerajaan mempunyai kuasa serta kemampuan untuk menghalang kegiatan mencari untung secara berlebihan, sehingga meletakkan keuntungan pada paras maksimum sebagai matlamat mereka. Kalau kita mahu negara tidak dilanda inflasi, sistem ekonomi negara haruslah diubah, tidak ada sistem ekonomi yang lebih baik selain daripada sistem ekonomi Islam.

Sekiranya semua pihak yang bertanggungjawab benar-benar prihatin untuk menghapuskan inflasi, maka sistem yang menindas seperti mengenalkan pelbagai cukai, menggunakan wang rakyat dan harta awam untuk kepentingan peribadi, membelanjakan wang rakyat dengan boros, tidak adil dan tidak amanah, haruslah dimansuhkan samasekali, kerana semuanya itu akan menyumbang kepada inflasi, di mana nilai wang akan menurun tidak seimbang dengan harga barang yang meningkat naik. Penggunaan kad kredit secara mudah dan mewah, diurusniagakan secara riba, di samping mengaut faedah keuntungan hasil pinjaman yang berlebihan, akan menyebabkan pengguna kad kredit menjadi mangsa hutang riba yang dimurkai Allah.

Oleh itu tidak ada jalan lain kecuali kembali kepada perjalanan yang dikehendaki oleh Allah, kerana dengan kembali ke jalan Allah bukan sahaja ekonomi negara akan selamat tetapi rakyat dalam negara juga akan selamat dan akan mendapat pengampunan Allah. Allah hanya menyuruh kita menikmati rezekiNya yang halal, iaitu rezeki yang diperolehi dari usaha atau urusniaga yang halal. Negara yang selamat dari inflasi ialah negara yang baik, aman, yang dapat menerima perlaksanaan sistem kewangan Islam. Pimpinan negara dan rakyat yang sentiasa bersyukur dengan perlaksanaan prinsip-prinsip Islam akan mendapat pengampunan dan keredaan daripada Allah. Firman Allah yang maksudNya;

*Makanlah rezeki kurniaan dari Tuhanmu dan bersyukurlah kepadaNya dengan negara yang baik serta mendapat pengampunan daripada Allah.*

(Surah *Saba'*, ayat 15)

Sistem Mu'amalat Islam yang berdasarkan kepada kesepaduan *aqidah* yang kuat, *Shari'ah Islamiyyah* yang sempurna dan *akhlaq* yang mulia tidak hanya sekadar menjamin ekonomi umat Islam, tetapi juga akan mendidik umat, rakyat dan negara seluruhnya berurusniaga mengikut prinsip-prinsip Islam. Tindakan tersebut akan menyelamatkan negara dan rakyatnya dari ancaman inflasi, kedudukan nilai wang akan bertambah kukuh dengan keberkatan zakat yang dikeluarkan, wang hanya akan diguna ke arah yang lebih berfaedah dan bermanfaat, kerana Allah menjauhkan hati-hati mereka dari menyalahgunakan wang, niat-niat yang buruk untuk menyelewengkan wang bank atau wang tabung amanah akan ditutup oleh Allah. Allah menjanjikan keamanan kepada mereka yang mahu tunduk mengikut perintahNya. Demikianlah asas-asas yang sangat penting untuk diambil perhatian oleh setiap institusi kewangan Islam dan institusi perbankan Islam yang ingin menjalankan sistem kewangan Islam yang direndai Allah dilihat dari sudut Shari'at Islam.

#### **(4) MATLAMAT PENUBUHAN BANK ISLAM (M) BERHAD**

Matlamat utama penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad ialah:<sup>21</sup>

- 1) Untuk berusaha sedaya upaya menjalankan operasinya sebagai sebuah bank perdagangan berlandaskan kepada hukum-hukum Shara'

---

<sup>21</sup> . BIMB, *Bank Islam Malaysia Berhad Penubuhan & Operasi*, (Petaling Jaya Inventia Print Sdn Bhd.,1984), him. 7.

- 2) Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat bank kepada semua umat Islam dan rakyat negara ini, dengan mencapai keteguhan dan keupayaan berkembang maju dari masa ke semasa.

Walaubagaimanapun, untuk mencapai matlamat yang tersebut di atas, BIMB sewajarnya mengutamakan beberapa perkara yang berikut ini:<sup>22</sup>

- (1) Mengutamakan pelaksanaan Mu'amalat urusan bank dan kewangan tanpa riba dalam seluruh operasinya.
- (2) Mengutamakan amalan berkongsi untung rugi yang lebih menjamin keadilan sosial dalam pengagihan untung rugi kepada penyimpan, peminjam dan pemilik saham bank.
- (3) Mengutamakan daya usaha supaya bank boleh berdiri kukuh dan berdaya maju dalam setiap operasi yang dijalankannya.
- (4) Menggunakan asas-asas hukum Islam dan peraturan-peraturannya serta tenaga yang berketerampilan, untuk melaksanakan sistem urusan bank dan kewangan Islam yang mampu bersaing dengan sistem konvensional masa kini.

---

<sup>22</sup> . Ibid., hlm.7 & 8

## **(5) KEGIATAN UTAMA URUSNIAGA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD.**

Bank Islam Malaysia Berhad adalah sebuah institusi perantaraan antara dua kumpulan pelanggan yang utama:<sup>23</sup>

### **(5.1) Kumpulan Pelanggan Pertama:.**

Kumpulan pertama ialah pelanggan-pelanggan yang pertama sekali menjalankan urusniaga dengan Bank Islam Malaysia Berhad, kumpulan ini merupakan penyumbang besar dan penting kepada BIMB untuk bergerak bangun menjalankan operasinya, yang mana tanpa kumpulan ini Bank tidak boleh menjalankan operasinya. Wang yang mereka pinjamkan kepada Bank melalui simpanan atau pelaburan akan diguna oleh Bank untuk membangun operasi kewangannya. Wang tersebut akan dipinjamkan pula kepada orang lain melalui bentuk pembiayaan atau pelaburan. Kumpulan pertama ini terdiri dari tiga kumpulan, iaitu:

- (5.1.1) Kumpulan pemodal atau pemegang saham,
- (5.1.2) Kumpulan penyimpan,
- (5.1.3) Kumpulan Pelabur.

#### **(5.1.1) Kumpulan Pemodal atau Pemegang Saham:**

Kumpulan pemodal adalah golongan yang penting dalam usaha memulakan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. Sumbangan modal yang diberikan itu

---

<sup>23</sup> . BIMB, Bank Islam Malaysia Berhad Penubuhan dan Operasi, (P.J. Inventia Print, t.t.), hlm. 17; BIMB, Overview On Islamic Banking Practice, Seminar On SPTE, 1994, page 7-9.

menjadi dana Bank yang sangat penting untuk memulakan operasi kewangan Bank. Tanpa dana yang terkumpul Bank tidak akan diluluskan untuk menjalankan operasinya, bahkan Bank itu sendiri tidak mungkin dapat ditubuhkan.

Sekumpulan pemodal telah mengumpulkan dana untuk menubuhkan BIMB. Kumpulan tersebut bertindak sebagai penyumbang pertama yang memberikan pinjaman melalui saham dan diberi hak sebagai pemegang saham Bank. Dengan saham yang terkumpul itu Bank mempunyai modal berbayar sebanyak RM100 juta seperti dalam senarai pemodal yang berikut ini:<sup>24</sup>

**Pemegang Saham BIMB (Share Holder):**

Kerajaan Malaysia	RM30 juta
Lembaga Tabung Haji	RM10 juta
PERKIM	RM05 juta
Majlis-Majlis Agama Negeri	RM25 juta
Perbadanan Yayasan Agama Negeri	RM10 juta
Perbadanan Peringkat Persekutuan	RM10 juta
Badan-badan lain yang layak	RM10 juta
<b>Jumlah:</b>	<b>RM100 juta</b>

**Sumber: Bank Islam Malaysia Berhad.**

Berdasarkan keterangan yang tersebut di atas itu, tidak terdapat satupun kumpulan penyumbang dana pinjaman kepada Bank yang diragui. Pinjaman tersebut pula adalah dianggap sebagai saham, maka kerana itu tidak timbul

---

<sup>24</sup> . Ibid., hlm.8 - 9.

keuntungan yang diberikan kepada kumpulan tersebut sebagai faedah riba yang diharamkan oleh Allah. Bahkan mereka berhak diberi keuntungan, samada sebagai pemegang saham di bawah hukum *al-Mudārabah*, ataupun sebagai rakan kongsi di bawah hukum *al-Mushārakah*.

#### **(5.1.2) Kumpulan Penyimpan:**

Sebagai bank perdagangan, BIMB sentiasa berusaha mencari pelanggan-pelanggannya melalui tiga kumpulan yang terpenting, iaitu penyimpan, peminjam dan pelabur. Untuk tujuan tersebut BIMB telah menyediakan tiga jenis akaun kepada pelanggan-pelanggannya berdasarkan prinsip-prinsip Mu'amalat Islam. Pelanggan-pelanggan tersebut sangat penting bagi BIMB untuk memberikan khidmat pinjaman dan pembiayaan kepada pelanggan-pelanggannya yang lain pula. Akaun tersebut ialah:<sup>25</sup>

##### **(5.1.2.1) Akaun Semasa (Current Account)**

**di Bawah Prinsip *al-Wadī'ah ya al-damānah*:**

- 1) Bank menerima wang simpanan dari penyimpan dalam bentuk simpanan akaun semasa di bawah hukum *Wadī'ah*.
- 2) Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.

---

<sup>25</sup> . Ibid., hlm. 18 - 19.

- 3) Penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan bila-bila mereka kehendaki, dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.
- 4) Semua manfaat dan keuntungan daripada penggunaan baki simpanan penyimpan-penyimpan adalah menjadi hak bank.
- 5) Bank memberi buku cek dan lain-lain khidmat biasa mengenai Akaun Semasa kepada penyimpan-penyimpan.

#### **(5.1.2.2) Akaun Simpanan (Saving Account) di Bawah**

##### **Hukum *al-Wadī'ah*:**

- 1) Bank menerima wang simpanan dari penyimpan-penyimpan dalam bentuk Akaun Simpanan di bawah hukum *al-Wadī'ah*.
- 2) Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.
- 3) Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan mereka bila-bila mereka kehendaki, dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.
- 4) Semua manfaat dan keuntungan daripada penggunaan baki simpanan penyimpan-penyimpan adalah menjadi hak bank. Berlainan dengan Akaun Semasa, Bank akan memberikan keuntungan mengikut budi bicaranya sebahagian

daripada keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan baki simpanan Akaun Simpanan Semasa.

- 5) Bank memberi buku simpanan dan lain-lain khidmat biasa mengenai akaun simpanan kepada penyimpan-penyimpan.

**(5.1.2.3) Akaun Pelaburan (Investment Account)**

**di Bawah Hukum al-Mudārabah:**

1) Bank menerima wang dari penyimpan-penyimpan yang bermaksud untuk melabur melalui Bank dalam bentuk akaun pelaburan berdasarkan hukum al-Mudārabah.

2) Bank menjadi pengusaha dan penyimpan menjadi pemodal, kedua-duanya bersetuju membahagi keuntungan yang diperolehi dari usaha Bank melaburkan wang simpanan berkenaan. BIMB menawarkan nisbah pembahagian untung pada kadar 70 peratus kepada penyimpan dan 30 peratus kepada Bank. Nisbah pembahagian untung ini boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa

3) Di bawah hukum al-Mudārabah, simpanan pelaburan yang dibuat oleh pelanggan dengan Bank dikehendaki ditetapkan tempohnya. Bank akan menerima bagi tempoh-tempoh berikut:

1 bulan	12 bulan	36 bulan
3 bulan	15 bulan	48 bulan
6 bulan	18 bulan	60 bulan
9 bulan	24 bulan	

- 4) Penyimpan tidak mencampuri pengurusan pelaburan wangnya.
- 5) Jika pelaburan Bank menghadapi kerugian, penyimpan menanggung kesemua kerugian tersebut.

#### **(5.1.2.4) Kumpulan Pelabur:**

Kumpulan ketiga ini ialah kumpulan pelabur yang sendirinya telah diterangkan dalam kumpulan penyimpan akaun pelaburan di atas. Kumpulan pelabur ini menyimpan dalam Bank dan meminjamkannya untuk tujuan berkongsi untung dengan Bank mengikut landasan yang diharuskan oleh hukum Islam.

Pada umumnya kumpulan pertama penyumbang kepada Bank boleh dikira sebagai asset yang dimiliki oleh Bank, atau menjadi harta milik Bank. Jumlah harta Bank pada tahun kewangan 1993, telah bertambah kepada RM1,890.6 juta, berbanding dengan tahun sebelumnya yang hanya menceatatkan sebanyak RM1,607.8 juta. Di peringkat kumpulan jumlah aset BIMB telah menceatatkan sebanyak RM2,009.1 juta, iaitu pada akhir tahun kewangan 1993.<sup>26</sup>

Kumpulan kedua dan ketiga pula merupakan pendeposit yang terdiri daripada kumpulan penyimpan dan pelabur. Sebagai contoh, deposit yang diambil daripada pelanggan pada akhir tahun kewangan 1993 telah meningkat kepada RM1,611.7 juta, berbanding dengan tahun sebelumnya yang berjumlah RM1,320.5 juta. Jumlah bilangan pendeposit juga turut meningkat dari 329,990 orang pada tahun 1992 kepada 362,111 orang pada akhir tahun 1993.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup>. BIMB, *Annual Report 1993*, page.6.

<sup>27</sup>. BIMB, *Annual Report 1993*, page.6.

Kebanyakan pendeposit ialah dari kumpulan penyimpan akaun simpanan dan pelaburan. Antara jumlah pelaburan yang terbesar adalah dari Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia yang pegangannya berjumlah RM554.9 juta. Begitu juga Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. sebagai subsidiari BIMB yang turut menyumbang dananya melalui Takaful Keluarga berjumlah RM39.1 juta pada akhir tahun kewangan 1993, Takaful Am berjumlah RM17.5 juta dan dana Takaful Keluarga Berkelompok berjumlah RM1.6 juta.<sup>28</sup>

### **(5.2) Kumpulan Pelanggan Kedua:**

Kumpulan kedua ialah kumpulan pelanggan yang datang menemui Bank untuk tujuan meminjam, samada untuk tujuan memohon pembiayaan membeli rumah, tanah dan kenderaan atau lain-lain harta dan barang, atau samada untuk tujuan memohon pembiayaan bagi membangun perniagaan atau perusahaan. Maka kerana itu kumpulan kedua ini terdiri dari kumpulan:

- (5.2.1) Kumpulan peminjam dan
- (5.2.2) Kumpulan pengusaha pelaburan.

#### **(5.2.1) Kumpulan Peminjam:**

Kumpulan peminjam adalah terdiri dari orang-orang perseorangan, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta, jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya. Mereka datang menemui Bank untuk memohon pinjaman daripada Bank bagi tujuan membiayai pembelian tanah, rumah, kenderaan, barang-barang elekrik,

---

<sup>28</sup> . BIMB, *Annual Report 1993*, page 7 - 9.

komputer dan sebagainya melalui hukum *al-Bai<sup>c</sup> Bithaman Ajil*. Walaupun Bank terpaksa mengeluarkan pinjaman kepada mereka untuk membiayaai pembelian perkara-perkara yang mereka perlukan, namun Bank akan memperolehi hak keuntungan yang dibenarkan oleh Islam. Bank tidak rugi, bahkan Bank akan untung, dan keuntungan tersebut merupakan dana kepada Bank.

#### **(5.2.2) Kumpulan Pengusaha atau Pelabur:**

Kumpulan pengusaha atau pelabur juga terdiri dari orang-orang perseorangan, syarikat-syarikat swasta, badan-badan berkanun, jabatan-jabatan kerajaan. Mereka memohon pembiayaan daripada Bank untuk menjalankan projek perniagaan yang halal, atau untuk membiayai pelaburan yang halal bagi mendapatkan keuntungan. Bank berhak mendapat keuntungan dari pembiayaan kepada pengusaha atau pelabur tersebut di bawah hukum *al-Mudārabah*.

### **(6) BUKTI KEGIATAN BIMB SEBAGAI INSTITUSI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN YANG BERLANDASKAN SHARA<sup>c</sup>.**

#### **(6.1) Pinjaman Kerajaan (*al-Qard al-Hasan*)**

Bank Islam Malaysia Berhad terlibat dalam pinjaman kumpulan yang diperolehi daripada kerajaan Malaysia. Pinjaman ini tidak dikenakan apa-apa cagaran dan bebas dari sebarang bayaran kewangan. Bayaran balik ditetapkan secara sepuluh kali ansuran tahunan mulai dari Ogos, 1991.<sup>29</sup>

---

<sup>29.</sup> BIMB, *Annual Report 1987*, (page.26); *1988*, (page.25); *1989*, (page.25); *1990*, (page.25); *1991*, (page.34); *1992*, (page.27); *1993*, (page.28); *1994*, (page.39).

Dengan yang demikian pinjaman BIMB yang diperolehi daripada kerajaan Malaysia tidak dianggap riba, pinjaman tersebut bersih daripada sumber dan urusniaga pinjaman riba. Cara bayaran yang dikenakan kepada BIMB juga adalah selaras di bawah hukum *al-Qard al-Hasan*.

#### **(6.2) Pinjaman Akaun Simpanan (*al-Wadiah*).**

Pinjaman BIMB yang diambil daripada akaun simpanan (saving account) dan akaun semasa (current account) adalah dengan meminta izin daripada penyimpan untuk digunakan, samada untuk tujuan meminjamkan kepada pelanggan lain, atau dengan tujuan membaiayai pelanggan lain, atau untuk tujuan yang dinyatakan oleh Bank. Tetapi Bank berjanji bila-bila masa akan menyerahkan wang penyimpan-penyimpan tersebut sekiranya diminta. Pihak Bank tidak menjanjikan apa-apa bayaran faedah, interest atau bunga kepada penyimpan-penyimpannya. Bank memang akan mengeluarkan juga keuntungan kepada penyimpan-penyimpan, tetapi keuntungan itu dinyatakan pada akhir bulan, bukan di awal bulan seperti yang diamalkan oleh bank konvensional untuk mengelak pemberian keuntungan itu dari dianggap sebagai bunga atau riba.

Bila dilihat cara BIMB memberikan imbuhan kepada penyimpan akaun *al-Wadiah* di akhir bulan, jelaslah imbuhan faedah itu bukan riba, tetapi pemberian tersebut lebih dekat kepada hukum *al-Qard al-Hasan* yang membayar balik pinjaman tanpa menjanjikan apa-apa tambahan, sekiranya peminjam membayar betul-betul jumlah banyak yang dipinjam maka itu adalah baik. Tetapi sekiranya peminjam membayar pinjamannya itu lalu menambahnya sedikit sebagai tanda kesyukurannya, bukan kerana terpaksanya maka cara seperti itu lebih baik dan

sangat digalakkan oleh Islam. Tetapi kalau mengikut hukum *al-wadī'ah*, si penyimpan akan dikenakan bayaran upah simpanan, kerana penyimpan terpaksa menyimpannya dengan amanah dan dengan menggunakan ciri-ciri keselamatan yang memerlukan kepada kos atau upah yang hanya akan dikenakan sekiranya seseorang itu mengeluarkan wangnya jauh dari tempat akaun simpanannya dibuka.

Dalam hal seperti yang disebut di atas itu, Bank tidak hanya memakai hukum *al-wadī'ah* ke atas akaun simpanan penyimpannya, tetapi juga memakai hukum *al-qard al-hasan*, kerana Bank didapati satu ketika membayar keuntungan ke atas penyimpan di akhir bulan, dan ada kalanya pula Bank akan mengenakan caj atau bayaran sebagai upah pemindahan bayaran.

Adapun penyimpan-penyimpan akaun pelaburan (investment account) yang memang bertujuan untuk menyerahkan wangnya kepada Bank untuk dilabur, Bank melaburkan wangnya itu untuk mendapatkan keuntungan yang dipersetujui bersama antara penyimpan dan Bank. Maka penyimpan di sini dikira sebagai pemodal dan Bank pula dikira sebagai pengusaha. Bank sentiasa menyatakan laporannya kepada penyimpan pelaburan tentang kegiatan dan kedudukan kewangan yang dilaburkannya. Maka di sini sekalipun Bank seolah-olah meminjam wang penyimpan pelaburan untuk tujuan melabur, penyimpan berhak mendapat keuntungan dari Bank yang menguruskan wang simpanan pelaburannya, kerana penyimpan dengan jelas menyimpan wangnya dalam akaun pelaburan untuk tujuan melabur. Oleh itu penyimpan berhak diberi keuntungan berdasarkan kadar jumlah wang yang dilaburnya berlandaskan hukum *al-Mudārabah*.

### **(6.3) Zakat BIMB (Zakat Perniagaan).**

Meskipun BIMB mengeluarkan pinjaman dan pembiayaan kepada pelanggannya, tetapi zakat tetap dibayar oleh BIMB atas urusniaganya dengan pelanggan, kerana BIMB adalah sebuah bank perdagangan. Sedangkan zakat adalah satu ciri yang sangat penting bagi institusi kewangan Islam seperti BIMB. Ia tidak hanya merupakan kewajipan yang mesti ditunaikan oleh sesebuah institusi kewangan dan bank yang menjalankan perniagaan, tetapi juga sebagai ciri yang membezakan pergerakannya dari institusi kewangan konvensional. Sebagai pelengkap kepada operasi pelaksanaan sistem kewangan Islam, tanpa membayar zakat, sekalipun operasinya semua berlandaskan Islam, nescaya Allah tidak akan meredai pergerakkannya.

Setiap tahun semenjak BIMB menjalankan operasinya, BIMB telah berjaya melaksanakan kewajipannya membayar zakat perniagaan selain daripada cukai. Kewajipan ini telah disempurnakan sebelum akaun keuntungannya diagih-agihkan. Pembayaran tersebut merupakan kewajipan ke atas Bank dan Subsidiari-subsiarinya menurut hukum-hukum *Sharia* dan seperti yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah.<sup>30</sup>

Bacaan zakat harta tetap **Kumpulan** dan harta tetap **Bank** yang telah dikeluarkan bagi akaun untung rugi BIMB, pada akhir tahun-tahun kewangan, adalah seperti berikut:<sup>31</sup>

<sup>30</sup> BIMB, Annual Report 1987 & 1988, (page 23); 1989, (page 21); 1991, (page 30); 1992, (page 22); 1993, (page 25); 1994, (page 34).

<sup>31</sup> BIMB, Annual Report 1987 & 1988, (page 20); 1989 & 1991, (page 18); 1992, (page 20); 1993, (page 21); 1994, (page 20).

### JADUAL ZAKAT BIMB (1986 -1994)

TAHUN	ZAKAT KUMPULAN RM'000	ZAKAT BANK RM'000
<b>1986</b>	<b>400,000</b>	<b>376,000</b>
<b>1987</b>	<b>383,000</b>	<b>381,000</b>
<b>1988</b>	<b>365,000</b>	<b>358,000</b>
<b>1989</b>	<b>477,000</b>	<b>464,000</b>
<b>1990</b>	<b>523,000</b>	<b>449,000</b>
<b>1991</b>	<b>784,000</b>	<b>663,000</b>
<b>1992</b>	<b>829,000</b>	<b>662,000</b>
<b>1993</b>	<b>916,000</b>	<b>662,000</b>
<b>1994</b>	<b>956,000</b>	<b>662,000</b>

**Sumber: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

Berdasarkan kepada bacaan dalam jadual di atas, zakat **Kumpulan** menampakkan pertumbuhan pada setiap akhir tahun kewangannya. Pertumbuhan ini disebabkan oleh pertumbuhan urusniaga harta **Kumpulan** yang menggalakkan dan kepercayaan masyarakat juga semakin meningkat setelah Bank berusaha menyedarkan masyarakat dengan kesahaman Islam bahawa sistem kewangan Islam adalah lebih baik dan menguntungkan.

Harta tetap **Bank** pula mempunyai pertumbuhan yang agak berbeza dengan harta tetap **Kumpulan**. Kerana itu zakat harta tetap **Bank** pada akhir tahun kewangan 1991 meningkat naik dengan kadar yang tinggi dari tahun-tahun sebelumnya, iaitu RM663,000 berbanding dengan RM449,000 pada tahun sebelumnya. Ini kerana ekonomi Malaysia telah meningkat dan mempengaruhi urusniaga Bank. Di sini kita tidak berhasrat untuk menyatakan sebab-sebab pertumbuhan tetapi yang lebih penting adalah menyatakan bahawa BIMB telah menyempurnakan ciri-ciri sistem kewangannya yang sejajar dengan landasan Islam.

Pertumbuhan hartanya menunjukkan keberkatan seperti yang telah dijanjikan Allah, kerana zakat itu bukan hanya sekadar membersih harta, tetapi juga menyuburkan harta yang dizakatkannya itu. Firman Allah yang maksudNya;

يَسْعِ اللَّهُ الرِّبُّو وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ

MaksudNya;

*Allah mengutuk perbuatan riba, sebaliknya Allah s. w. t. menyuburkan harta yang dikeluarkan zakat.*

(Surah *al-Baqarah*, ayat 276)

## (7) PERLUASAN OPERASI BANK

Bank Islam Malaysia Berhad kini telah meluaskan operasinya kepada 52 buah cawangannya di seluruh negara. Oleh itu umat Islam tidak seharusnya lagi berurusan dengan urusniaga pinjaman dan pembiayaan dengan cara riba. Meskipun cawangan BIMB tidak sebanyak cawangan bank-bank konvensional yang ada di ceruk-ceruk pekan kecil, tetapi setiap negeri sudah ada cawangan BIMB. Mereka bersedia memberikan perkhidmatan urusniaga berdasarkan Mu'amalat Islam, termasuklah skim pinjaman dan pembiayaan tanpa riba.

Sekarang BIMB terus meningkatkan usaha dan kemampuan untuk menambahkan cawangannya, kalau boleh setiap pekan-pekan kecil di seluruh negara akan ada cawangan BIMB, tetapi sesebuah cawangan yang hendak ditubuhkan memerlukan belanja yang sangat besar. Walaubagaimanapun, di samping itu BIMB perlu mempelbagaikan instrumen yang berlandaskan Islam. Kepelbagaian instrumen tersebut penting bagi BIMB untuk memenuhi keperluan semasa sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mantap, selaras dengan

objektif jangka panjang Bank Negara, iaitu untuk mewujudkan satu sistem perbankan yang berasaskan Islam.

Sesebuah sistem kewangan Islam yang hendak dijalankan, mestilah memenuhi tiga keperluan yang sangat penting, barulah sesebuah sistem itu boleh berjaya. Bank Negara Malaysia (BNM) telah menetapkan tiga keperluan yang mesti dipenuhi oleh sesebuah bank untuk menubuhkan sebuah bank Islam:<sup>32</sup>

**1. Jumlah Institusi Yang Mencukupi.**

Sesuatu sistem memerlukan pelbagai institusi untuk memperdalamkannya.

**2. Pelbagai Instrumen.**

Kepelbagaian instrumen mesti wujud untuk memenuhi kehendak institusi kewangan dan pelabur yang berbeza-beza.

**3. Pasaran Antara Bank Secara Islam.**

Mestilah wujud pasaran antara bank yang cekap dan berkesan untuk menghubungkan institusi dengan instrumen.

**(8) KESIMPULAN:**

Berdasarkan kepada perkembangan BIMB yang telah melewati satu dekad itu, maka keperluan mewujudkan satu sistem kewangan yang mantap, kukuh dan lengkap haruslah diusahakan. Kepelbagaian instrumen telahpun diperkenalkan oleh BIMB. Jumlah institusi kewangan dan bank juga semakin banyak yang

---

<sup>32</sup> . BNM, Wang, 1994, hlm.357

terlibat dalam arus perbankan Islam. BIMB tidak bersendirian, kini Bank Rakyat telah mengikut jejak langkah BIMB dengan menukar seluruh sistem banknya kepada Islam. Bank-bank Konvensional pula semakin banyak akur kepada arus perubahan kewangan dan perbankan Islam dan sedikit demi sedikit menambahkan instrumen Mu<sup>c</sup>amalah Islam dan mekanisme kewangan yang dikenali dengan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).

Kini kita mendapati BIMB merupakan sebuah institusi bank perdagangan yang benar-benar mampu dan beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Maka wajarlah BIMB menjadi sebagai institusi pinjaman dan pembiayaan tanpa riba yang menjadi harapan dan keyakinan umat Islam di Malaysia masa kini.

Masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia kini, sama-sama telah didedahkan suatu bentuk perkhidmatan kewangan yang baru. BIMB dan bank-bank konvensional, masing-masing memainkan peranan yang penting untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada setiap pelanggan yang datang menemui mereka dan memohon untuk berurusniaga dengan sistem Islam yang dianggap baru itu. Kini sampailah masanya umat Islam menentukan sikap, samada hendak menerima Islam atau tidak. Tidak ada alasan lagi bagi umat Islam untuk tidak bermu<sup>c</sup>amalah dengan membuka akaun, berurusniaga melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) sebagai alternatif kepada sistem riba, terutama dalam urusan pinjaman dan pembiayaan.

Kewibawaan BIMB terutama sekali dalam bidang pembiayaan tanpa riba semenjak 12 tahun yang lalu, telah mencatatkan sejarah kegemilangan Islam di bidang kewangan dan bank di dunia masa kini. Kegemilangan BIMB wajar diperkuuhkan lagi dengan bangunannya sendiri, seperti yang dirancang dan akan dibangunkan di atas tapak tanah seluas 1.63 ekar di Jalan Tun Abdul Razak. Kuala

Lumpur. Cawangan-cawangan baru juga terus dibuka, termasuklah di Miri dan Labuan di Sabah. Pada akhir tahun 1994, BIMB telah melangkah setapak lagi ke hadapan menyediakan perkhidmatan mesin ATM di 22 buah cawangannya untuk kemudahan pelanggannya di seluruh negara. Kaedah ATM juga merupakan satu bentuk usahaniaga dalam operasi pinjaman dan pembiayaan masa kini.

### **3. PERUBAHAN SEBAHAGIAN SISTEM BANK KONVENTSIONAL KEPADASISTEM MU<sup>C</sup>AMALAT ISLAM.**

Kejayaan menuju sebuah Bank Islam yang beroperasi sepenuhnya dengan sistem Mu<sup>c</sup>amalat Islam bukanlah suatu perkara yang mudah. Kerana itu dalam tempoh 10 tahun hanya sebuah bank Islam sahaja dibenarkan beroperasi.<sup>33</sup> Kini lahir gerakan untuk menuju sebuah Bank Islam kedua melalui penukaran bank konvensional yang sedia ada dari sistem riba kepada sistem Mu<sup>c</sup>amalat Islam tanpa riba sepenuhnya.

#### **(1) Operasi Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)**

Sebelum Bank Rakyat menukarkan operasi sepenuhnya kepada sistem kewangan dan perbankan Islam, Bank Rakyat telahpun lebih dahulu menjalankan empat instrumen kewangannya berlandaskan mekanisma Mu<sup>c</sup>amalat Islam, instrumen-instrumen tersebut ialah:-

- 1) Akaun Tabungan di bawah hukum *al-Wadi'ah*,
- 2) Akaun Pelaburan di bawah hukum *al-Mudārabah*,

---

<sup>33</sup>. BNM, Wang, 1994, hlm.357.

- 3) Pembiayaan Harta di bawah hukum *al-Bai' Bithaman Ajil*, dan
- 4) Pembiayaan Peribadi di bawah hukum *Bai' al-'Inah*

Selama lebih kurang 18 bulan, Bank Rakyat telah mencuba operasi sistem kewangan dan perbankan Islam, ianya telah berjaya memberikan pembiayaan tanpa riba, sebanyak RM9.29 juta kepada 10,805 akaun pelanggan-pelanggannya. Tetapi di peringkat ini, masyarakat bukan Islam cuba ditawarkan 3 instrumen melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) oleh pendeposit akaun yang bukan Islam, sambutan daripada mereka sungguh-sungguh menggalakkan dan di luar dugaan. Instrumen yang ditawarkan itu ialah:<sup>34</sup>

- 1) Simpanan *al-Wadiah*,
- 2) Pelaburan *al-Mudarabah*, dan
- 3) Pembiayaan harta *al-Bai' Bithaman Ajil*.

## (2) Sambutan Pendeposit Bukan Islam

### Terhadap SPTF Bank Rakyat.

Pendeposit SPTF, Bank Rakyat, tidak hanya terdiri daripada masyarakat Islam sahaja, lebih **50 peratus** pemegang akaun SPTF di Bank Rakyat adalah terdiri dari golongan yang bukan Islam. Golongan masyarakat yang bukan Islam ini mempunyai kepercayaan, bahawa SPTF lebih menguntungkan mereka dari sistem kewangan riba dan lebih adil dari sistem konvensional itu.<sup>35</sup>

<sup>34</sup> . Kenyataan akhbar Dr. Affifuddin Omar (Pengerusi Bank Rakyat), Berita Harian 8/1/1995

<sup>35</sup> . Ibid., Berita Harian bertarikh 5/1/1994

Skim Perbankan Tanpa Faedah, ditawarkan oleh Bank Rakyat dengan nama **Skim Perbankan Islam**. Skim ini ditawarkan kepada semua pelanggannya tanpa mengira agama dan bangsa. Sebanyak **RM80 juta** daripada RM160 juta deposit Bank Rakyat dalam akaun SPTF, adalah pendeposit daripada masyarakat **bukan Islam**. Golongan yang paling ramai sekali ialah mereka yang berbangsa Cina. Masyarakat Cina tidak sekadar mendapati SPTF itu menguntungkan, tetapi turut merasakan bahawa SPTF adalah suatu sistem kewangan yang lebih adil dari sistem konvensional riba yang berjalan selama ini.<sup>36</sup>

### **(3) Perluasan Operasi SPTF Bank Rakyat**

Dalam persediaan Bank Rakyat untuk menjalankan operasi sistem Mu<sup>c</sup>amalat Islam sepenuhnya, Bank mesti mencapai keperluan penting sebagai sebuah Bank yang kukuh dan mampu bersaing dengan bank-bank konvensional yang lain. Bank Rakyat berjaya meluaskan operasi SPTF kepada 18 buah cawangannya di seluruh negara, termasuk cawangannya di Kuching, Sarawak dan di Kota Kinabalu, Sabah.

### **(4) Bank Rakyat Sebagai Bank Islam Kedua Selepas BIMB**

Dengan pengalaman Bank Islam Malaysia Berhad yang dimanfaatkan sepenuhnya dan hasil usaha yang gigih, Bank Rakyat telah mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia dan Menteri Kewangan pada 11hb. Okt. 1993 untuk

---

<sup>36</sup> . Temubual dengan pegawai Unit Mu<sup>c</sup>amalat (Bahagian Pinjaman Bank Rakyat, Cawangan Jln. Ipoh, KL.) pada Dis. 1994.

menukarkan seluruh operasinya kepada sistem Mu<sup>c</sup>amalat Islam, sebagai Bank Islam yang kedua selepas BIMB. Bank Rakyat diberi tempoh 18 bulan sebelum menukarkan sistemnya kepada kaedah perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam pada 23hb. Mei, 1995.<sup>37</sup>

Lantaran usaha gigih Bank Rakyat memberikan kefahaman terutama kepada pelanggan-pelangannya, telah menghasilkan natijah yang baik. Sambutan pelanggan terhadap Skim Perbankan Islam adalah di luar dugaan. Ini menyebabkan Bank Rakyat sendiri bertambah yakin, bahawa usaha untuk menukar sistem bank sepenuhnya kepada bank Islam pasti berjaya. Sambutan luarbiasa pelanggan bukan Islam terhadap skim al-Mudārabah juga turut meyakinkan Bank Rakyat untuk memperkenalkan satu produk lain iaitu skim pinjaman dan pembiayaan tanpa riba melalui Skim Perbankan Islamnya. **Dua** pertiga daripada pelanggan skim al-Mudārabah adalah daripada pelanggan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana mereka percaya sistem al-Mudārabah dapat memberikan pulangan yang lebih baik, berbanding dengan simpanan tetap konvensional. Pengerusi Bank Rakyat yakin, bahawa tindakan Bank itu bertukar kepada Sistem Perbankan Islam, tidak akan menjaskan prestasi keuntungan Bank. Beliau dengan tegas menyatakan;<sup>38</sup>

*"Kepelbagaiannya perkhidmatan dengan menambahkan cawangan ke seluruh negara tidak akan menjuskan keuntungan. Kini Bank Rakyat mempunyai 44 buah cawangan, telah berjaya mencatatkan keuntungan kumpulan sebanyak RM37.04 juta untuk setengah tahun berakhir 30hb. Jun, 1993. Iaitu satu pencapaian tertinggi dalam sejarah bank, disebabkan oleh perkhidmatan Perbankan Islam".*

<sup>37</sup>. Sidang Akhbar yang dibuat oleh Dr Affifuddin Omar pada 11hb Okt 1993, (sebagai Pengerusi Bank Rakyat), lihat BH 12/10/93.

<sup>38</sup> Ibid..

## (5) Operasi Sistem Mu'amalat Islam Sepenuhnya

Cita-cita untuk menjadikan sebuah Bank Islam yang beroperasi sepenuhnya dengan Mu'amalat Islam, maka operasi SPTF dalam tempoh printis ini sangatlah penting. Bank Rakyat telah membuat keputusan yang tepat dan nekad, untuk menukar semua akaun tabungannya kepada sistem *al-Wadiah*. Simpanan tetapnya yang menyumbangkan keuntungan besar, ditukar kepada sistem *al-Mudarabah*. Pinjaman membeti harta dan peralatan, serta pinjaman-pinjaman lain, ditukar kepada sistem *al-Bai' Bithaman Ajil*. Begitu juga sistem al-Musharakah, turut diperkenalkan ke atas perkongsian perniagaan, di mana pihak yang memberi pinjam bukan sahaja mengeluarkan modal, tetapi juga turut mengurus.<sup>39</sup>

Bagi mencapai kumpulan sasaran di seluruh negara, Bank Rakyat kini telah mempelbagaikan perkhidmatannya di semua 44 buah cawangannya. Kata Penggerusi Bank Rakyat;

*"Urusniaga perbankan konvensional memang menguntungkan, tetapi kami bertanggungjawab memperkenalkan perbankan berdasarkan Shari'ah Islam, apabila ada pilihan bagi menggantikan sistem konvensional bagi membuat keuntungan secara lebih adil".<sup>40</sup>*

Tarikh 23hb. Mei. 1995, adalah tarikh keramat bagi Bank Rakyat bertukar daripada sistem riba yang dimurkai Allah, kepada sistem tanpa riba yang diredaai Allah. Semua 44 buah cawangannya di seluruh negara beroperasi sebagai Bank Islam kedua di Malaysia.

Umat Islam kini telah dihidang dengan urusniaga Mu'amalat Islam yang selaras dengan kehendak imannya. Sekiranya masyarakat bukan Islam seperti yang

---

<sup>39</sup> : Ibid.,

<sup>40</sup> : Ibid.,

disebut di atas boleh percaya kepada sistem kewangan Islam ini, maka kemanakah perginya iman dan keyakinan orang Islam kepada agama mereka sendiri. Iman umat Islam sedang dicabar dengan amalan yang orang bukan Islam boleh lakukan, apakah sebenarnya umat Islam benar-benar cintakan agamanya, atau kita sekadar berpura-pura hendak Islam, tetapi sebenarnya tidak. Kita mungkin hanya terpaksa, kerana masyarakat semuanya hendak kembali kepada Islam yang syumul yang kita tidak suka.

Sebenarnya pelancaran SPTF pada 5hb. Mac, 1993 adalah dikira baru bagi semua institusi kewangan dan bank, termasuklah Bank Rakyat. Melalui pengalaman lebih kurang 18 bulan itu, Bank Rakyat sudah bersedia secukupnya untuk menjadi Bank Islam kedua di Malaysia, di samping sambutan yang sangat menggalakkan tanpa mengira bangsa dan agama. Kita yakin bahawa tidak mustahil banyak lagi institusi kewangan dan bank-bank konvensional, akan bertukar kepada institusi kewangan Islam sepenuhnya seperti yang telah dilakukan oleh Bank Rakyat.

Ada dua projek besar yang mencabar kewibawaan Bank Rakyat sebelum bertukar menjadi Bank Islam. Kejayaan tersebut menjadi pengukur kepada kewibawaanya untuk menjadi Bank Islam. Projek tersebut merupakan projek yang berlandaskan Shari'ah Islam yang belum pernah dijalankan oleh mana-mana institusi bank di Malaysia, iaitu melaksanakan Sistem Pajak Gadai Islam (al-Rahn) dan memberi Perkhidmatan Unit Amanah.

## (6) Pajak Gadai Islam (al-Rahn) Bank Rakyat

Sistem Pajak Gadai Islam yang berlandaskan hukum al-Rahn, iaitu satu bentuk pinjaman atau pembiayaan tanpa riba yang berbeza dengan kaedah pajak gadai konvensional yang berjalan selama ini. Selama ini operasi urusniaga pajak gadai hanya dijalankan oleh kedai-kedai pajak gadai yang kebanyakannya dari bangsa Cina, belum pernah berlaku dalam sejarah ada bank yang menjalankan urusniaga pajak gadai.

Tetapi pada 23hb. Oktober, 1993, Bank Rakyat julung-julung kali telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk menjalankan urusniaga pajak gadai Islam di bawah hukum al-Rahn yang pertama di Malaysia. Skim pajak gadai Islam yang dilaksanakan oleh Bank Rakyat membolehkan pelanggan mendapat pinjaman tunai sehingga RM5,000 atau 50 peratus daripada nilai barang yang digadaikan. Barang yang layak untuk digadai setakat ini hanya terbatas kepada barang-barang kemas dalam bentuk emas sahaja. Skim ini tidak mengenakan faedah riba, tetapi hanya mengenakan upah simpan barang yang digadai di bawah hukum al-Wadiyah.<sup>41</sup>

Upah simpan barang gadaian dikenakan kadar 60 sen bagi RM100 pada setiap bulan. Tempoh pinjaman maksimum tidak lebih dari 6 bulan. Sekiranya barang gadaian tidak ditebus sehingga melewati tempoh 6 bulan, tempoh lanjutan selama 3 bulan boleh diberikan oleh Bank berdasarkan penggadai meninggal dunia atau hilang upaya kekal atau alasan-alasan lain yang munasabah. Selepas itu jika pelanggan masih gagal menebus barangnya barulah barang gadaian tersebut

---

<sup>41</sup> . Temubual dengan pegawai Skim al-Rahn serta Kertas-kertas Browse al-Rahn, Bank Rakyat, Kajang, pada Dis. 1995.

dilelong dan dibayarkan jumlah pinjamannya serta kadar upah simpanannya dan baki dari harga lelongan itu dikembalikan kepada pelanggan itu sendiri.<sup>42</sup>

Skim pajak gadai Islam, Bank Rakyat ini dijalankan secara bersama oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), yang telah melaburkan RM5 juta bagi melaksanakan skim tersebut dengan Bank Rakyat. YPEIM sebagai pemodal menyediakan peruntukan kewangan, manakala Bank Rakyat sebagai pengusaha dan pelaksana skim tersebut. Skim ini dilancarkan pertama kalinya, di empat buah cawangan Bank Rakyat di Kuala Lumpur, Sungai Petani, Raub dan Johor Bahru. Peringkat kedua, ia dijalankan di Bank Rakyat Ipoh, Teluk Intan, Masjid Tanah dan Alor Star. Manakala peringkat ketiga Bank Rakyat melaksanakan skim ini di 29 buah lagi cawangannya. Kini semua cawangannya di seluruh negara telah menjalankan operasi Skim Pajak Gadai Islam (al-Rahn), sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah Bank Islam yang berjalan di atas landasan hukum Islam sekalipun namanya masih kekal dengan nama Bank Rakyat.<sup>43</sup>

## (7) Perkhidmatan Unit Amanah

Bank Rakyat tidak hanya sekadar mendapat kepercayaan dan sokongan dari golongan korporat, profesional dan pelbagai agensi, tetapi juga berjaya menarik keyakinan dari kalangan bank-bank sendiri. Bank Islam Malaysia Berhad dengan pengalaman selama 10 tahun dalam perbankan Islam, telah memberi kepercayaan kepada Bank Rakyat dengan melantiknya untuk menjalankan perkhidmatan **Unit Amanah** berasaskan prinsip-prinsip Islam yang dikenali sebagai **Amanah Saham Bank Islam (ASBI)**, pada pertengahan bulan Mei, 1994.<sup>44</sup>

<sup>42</sup>. Ibid.

<sup>43</sup>. Temubual dengan kakitangan, Unit al-Rahn, Bank Rakyat, Kajang.

<sup>44</sup>. Sidang Akhbar Penggerusi Bank Rakyat, Berita Harian 18 Mei, 1994.

#### **4. PERKEMBANGAN UNIT-UNIT MUAMALAT DALAM BANK-BANK KONVENTSIONAL DI SAMPING SISTEM RIBA YANG SEDIA ADA**

Kedua-dua perkembangan, samada Bank Islam mahupun Bank Rakyat yang telah dibincangkan dahulu, kedua-duanya bergerak di bawah kawalan Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab mengawasi perkembangan Mu'amalat Islam selaras dengan kesetabilan ekonomi dan politik negara. Untuk menangani perkembangan tersebut, Bank Negara pada mulanya meletakkan tiga pilihan, sebagai cara meningkatkan jumlah institusi kewangan dan perbankan Islam di Malaysia, iaitu dengan cara:<sup>45</sup>

- 1) Mbenarkan penubuhan bank-bank Islam yang baru.
- 2) Mbenarkan bank-bank kovensional menukuhan syarikat subsidiari yang menawarkan perbankan Islam.
- 3) Mbenarkan bank konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam dengan menggunakan infrastruktur dan cawangan yang sedia ada.

Setelah dibuat penelitian dan kajian yang mendalam, Bank Negara Malaysia mengambil pilihan ketiga, sebagai cara menambahkan institusi kewangan yang menjalankan operasi perbankan Islam. Kaedah ketiga yang tersebut di atas itu didapati lebih cekap dan berkesan kerana menggunakan kos yang rendah dan memakan masa yang singkat. Kaedah yang ketiga itu hanya menggunakan

---

<sup>45</sup> . BNM, Wang, hlm.361 - 362.

infrastruktur, termasuklah menggunakan cawangan dan kakitangan yang sedia ada untuk memberi khidmat perbankan Islam.

Sebaliknya kaedah yang pertama dan kedua memerlukan kos yang tinggi, sekurang-kurang RM500,000 diperlukan untuk menubuhkan sesebuah bank. Selain itu penubuhannya, samada bank pusat atau cawangan tentulah melalui birokrasi dan prosedur yang rumit dan lama. Di samping itu masalah tenaga kerja dan kakitangan menjadi perkara penting dan terlalu besar untuk diselesaikan. Maka pilihan kaedah yang ketiga adalah satu pilihan yang tepat untuk dilaksanakan.

Berdasarkan kepada pilihan ketiga tersebut, Bank Negara telah merangka **Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)** yang boleh dilaksanakan di institusi-institusi kewangan dan bank-bank konvensional masing-masing. Mereka bebas untuk mewujudkan pelbagai produk dalam urusniaga mereka masing-masing dengan berpandukan kepada mekanisme-makanisme kewangan Islam sedikit demi sedikit, sehingga Bank Negara membenarkan mereka melaksanakan semua mekanisme yang mereka mampu melalui instrumen-instrumen kewangan yang ada dalam urusniaga bank mereka. Terpulanglah kepada desakan masa depan masing-masing, siapa lambat dia akan rugi, kerana pelanggan akan lari ke tempat lain.

Kemudian sekiranya mereka berhasrat untuk menukar seluruh sistem riba yang ada pada bank mereka itu, kepada sistem Mu'amalat sepenuhnya sebagai sebuah bank Islam, maka mereka boleh sahaja melakukannya, seperti yang dilakukan oleh Bank Rakyat sekarang ini.

Melihat kepada perkembangan ini, bank-bank konvensional, berlumba-lumba menubuhkan Unit Mu'amalat Islam masing-masing, telah menampakkan

satu petanda yang sangat baik kepada penerimaan sistem Mu'amalat Islam di negara ini. Maka pilihan ketiga Bank Negara itu, adalah tepat pada masanya, bagi menangani keperluan unit-unit Mu'amalat dalam institusi kewangan atau bank konvensional, yang bertanggungjawab melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang dirancang oleh Bank Negara itu. Umumnya institusi kewangan dan bank di negara ini terdiri daripada empat kumpulan utama:

- 1) Kumpulan bank perdagangan, ada sebanyak 37 buah,<sup>46</sup> dan mempunyai 1,164 buah cawangan.<sup>47</sup>
- 2) Kumpulan bank saudagar, ada 12 buah.<sup>48</sup>
- 3) Kumpulan syarikat kewangan, ada 41 buah.<sup>49</sup>
- 4) Kumpulan Syarikat Diskaun, ada 7 buah.<sup>50</sup>

Tidak semua kumpulan institusi kewangan yang disebutkan di atas, dapat menyahut perubahan sistem kewangan kepada Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Kumpulan yang memberi sambutan yang sangat menggalakkan terdiri daripada institusi bank-bank perdagangan dan saudagar. Gerakan meislamkan sebahagian daripada operasi perbankan, institusi kewangan dan bank tersebut adalah melalui tiga fasa:

#### **(1) FASA PERTAMA SPTF.**

Fasa pertama Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), adalah dalam peringkat perintis. Setelah skim tersebut dilancarkan oleh Menteri Kewangan pada

---

<sup>46</sup> . BNM, *Wang*, hlm.152.

<sup>47</sup> . Ibid., hlm.156

<sup>48</sup> . Ibid., hlm.229.

<sup>49</sup> . Ibid., hlm.199 &215.

<sup>50</sup> . Ibid., hlm.231.

4hb. Mac, 1993,<sup>51</sup> tiga buah bank perdagangan yang terbesar telah dipilih untuk diluluskan bagi menjalankan skim ini, bank-bank tersebut ialah:<sup>52</sup>

- 1) Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB),
- 2) Malayan Banking Berhad (Maybank), dan
- 3) United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC).

Dalam masa 6 bulan pertama selepas SPTF ini dilancarkan, ketiga-tiga bank tersebut berjaya mengumpulkan deposit, berjumlah lebih RM90 juta, iaitu menerusi 13,916 akaun simpanan pelanggan dan 866 akaun pelaburan. Operasi ini berjaya dijalankan di 281 buah cawangannya di seluruh negara.

Sambutan yang tersebut di atas itu diluar dugaan. Sambutan yang sangat baik diberikan kepada SPTF itu bukan sahaja daripada pelanggan-pelanggan yang beragama Islam, tetapi juga ramai dari golongan yang bukan beragama Islam. Walaupun usaha ini masih dalam peringkat awal perintis, dan masih ramai orang-orang Islam sendiri yang belum mempercayai skim ini, bahkan ada pula yang mengkritiknya. Tetapi sambutan yang diluar dugaan itu, adalah satu petanda baik bagi SPTF untuk melangkah lebih jauh dari itu sebagai mekanisme institusi pinjaman dan pembiayaan yang dipercayai

Bank Negara yang bertanggungjawab memberi kelulusan ke atas bank-bank yang menjalankan SPTF, dengan bangganya telah menyatakan, bahawa sambutan baik yang diberikan oleh masyarakat Malaysia, tanpa mengira agama dan bangsa terhadap sistem Muamalat Islam (SPTF), adalah satu pengiktirafan oleh

---

<sup>51</sup> . Ibid., hlm 362

<sup>52</sup> . Ibid., hlm.364.

segenap lapisan masyarakat, dan sudah mendapat tempat di hati rakyat Malaysia seluruhnya.<sup>53</sup>

Standard Chartered Bank (Stanchart), adalah bank asing yang pertama di negara ini yang menawarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah, dalam masa enam bulan pertama selepas SPTF dilancarkan.

## (2) FASA KEDUA SPTF.

Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) fasa kedua telah dilancarkan pada 21hb. Ogos, 1993, iaitu tidak sampai enam bulan selepas pelancaran fasa pertama. Dalam fasa kedua ini **sepuluh buah institusi kewangan dan bank** telah diluluskan untuk melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah, iaitu terdiri dari institusi kewangan, bank-bank perdagangan dan saudagar seperti di bawah ini:<sup>54</sup>

- 1) Public Finance Berhad,
- 2) Development & Commercial Bank Berhad,
- 3) MBF Finance Berhad,
- 4) Standard Chartered Bank Berhad,
- 5) Perwira Habib Bank Berhad,
- 6) Kwong Yik Bank Berhad,
- 7) Mayban Finance Berhad,
- 8) Arab - Malaysia Finance Berhad,
- 9) BBMB Kewangan Berhad, dan
- 10) Arab Malaysian Merchant Bank (AMMB).

---

<sup>53</sup> . Temubual dengan pegawai Unit Mu'amalat Bank Negara Malaysia Tuan Hj Rustam bin Mohd Idris, di BTMO, pada Mac, 1995

<sup>54</sup> . BNM, Wang, hlm.364

Menurut keterangan salah seorang pegawai Unit Muamalat Bank Negara Malaysia, tujuan Skim Perbankan Tanpa Faedah fasa kedua ini diperkenalkan, adalah untuk memperluaskan lagi kemudahan perbankan tanpa faedah, kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di seluruh negara. Kerana itu, jumlah institusi kewangan yang menawarkan skim tersebut meningkat, sehingga **akhir tahun 1993, institusi kewangan dan bank** yang telah melaksanakan Skim Perbankan Tanpa Faedah adalah sebanyak **21 buah**:<sup>55</sup>

- 1) Bank Islam Malaysia Berhad
- 2) Bank Bumiputra Malaysia Berhad
- 3) Bank of Commerce (M) Berhad
- 4) Development and Commercial Bank Berhad
- 5) Kwong Yik Bank Berhad
- 6) Malayan Banking Berhad
- 7) Perwira Habib Bank Berhad
- 8) Public Bank Berhad
- 9) Standard Chartered Bank Berhad
- 10) United Malayan Banking Corporation Berhad
- 11) Oriental Bank Berhad
- 12) Arab-Malaysian Finance Berhad
- 13) BBMB Kewangan Berhad
- 14) Kewangan Industri Berhad
- 15) Kewangan Usaha Bersatu Berhad
- 16) Maybank Finance Berhad
- 17) MBF Finance Berhad
- 18) Public Finance Berhad
- 19) Malaysian Credit Finance Berhad
- 20) Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad
- 21) Permata Merchant Bank Berhad.

---

<sup>55</sup> . Ibid., hlm.364 & 365

Perkembangan Skim Mu'amalat Islam, tidak hanya beroperasi di institusi kewangan pusat dan bank-bank induk sahaja, tetapi turut meluas ke peringkat-peringkat cawangan. Sehingga akhir tahun 1993, cawangan-cawangan yang menawarkan skim tersebut meningkat dari 281 buah cawangan kepada 440 buah cawangan. Sedangkan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada akhir tahun 1993, telah mempunyai rangkaian 44 buah cawangan di seluruh negara.<sup>56</sup>

Berikut ini disenaraikan jumlah cawangan-cawangan bank dan institusi kewangan yang menjalankan operasi Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) sehingga akhir tahun 1993.<sup>57</sup>

### **Senarai cawangan bank perdagangan yang melaksanakan SPTF (1993):**

BIL.	BANK PERDAGANGAN	CAWANGAN
1	Bank Bumiputra Malaysia Berhad	158
2	Malayan Banking Berhad	120
3	United Malayan Banking Corporation	6
4	Kwong Yik Bank Berhad	4
5	Perwira Habib Bank	1
6	Standard Chartered Bank	8
7	D & C Bank Berhad	4
8	Bank Rakyat	9

**Sumber:** Bank Negara Malaysia (BNM)

<sup>56</sup>. BIMB, *Annual Report, 1993*, hlm.10 - 11.

<sup>57</sup>. BNM, *Wang*, hlm.364 - 365

**Senarai cawangan bank saudagar yang menyertai SPTF (1993):**

BIL.	BANK SAUDAGAR	CAWANGAN
1	Arab - Malaysian Merchant Bank	2

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Senarai cawangan-cawangan institusi kewangan yang menyertai SPTF (1993):**

BIL.	INSTITUSI KEWANGAN	CAWANGAN
1	Arab - Malaysian Finance	4
2	Mayban Finance	21
3	MBF	105
4	Public Finance	6
5	BBMB Kewangan	5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penasihat Bank Negara Malaysia, En. Nor Mohamed Yakob menyatakan, "Rangkaian cawangan dijangka bertambah apabila semua unit-unit Mu'amalat di institusi kewangan memperluaskan pelaksanaan SPTF di cawangan negeri-negeri di seluruh negara. Ini tentu dapat membantu umat Islam supaya mudah bermu'amalah secara Islam dalam pinjaman dan pembiayaan, terutama penduduk-penduduk di luar bandar yang sentiasa memerlukan perkhidmatan pinjaman dan pembiayaan mengikut *Shari'ah*."<sup>58</sup>

<sup>58</sup> . Unit Mu'amalat Bank Negara Malaysia, Kenyataan Penasihat BNM, pada Sept 1993

### **(3) Dakwaan "Skim Senyum" MBF Sebagai SPTF**

MBF Finance Berhad, adalah syarikat kewangan yang terbesar di negara ini. Selepas sahaja SPTF dilancarkan, MBF Finance telah menawarkan "Skim Senyum" iaitu satu skim pembiayaan yang didakwa tidak mengenakan faedah riba. Walau bagaimanapun, urusniaga yang dilaksanakannya tidak menunjukkan ciri-ciri urusniaga yang berlandaskan hukum Mu'amalat Islam.

Dalam satu kes kajian ke atas pembelian sebuah rumah kedai oleh pelanggan yang menggunakan "Skim Senyum", didapati melakukan transaksi jual beli yang saling tak tumpah seperti kontrak pembelian skim konvensional yang biasa. Rumah kedai itu dibeli oleh pelanggan dengan perjanjian sewa beli tangguh (Sale and Purchase Agreement), bukan menggunakan harga tangguh di bawah hukum al-Bai' Bithaman 'Ajil.

Tidak ada borang perjanjian jualbeli yang ditandatangani di bawah hukum al-Bai' Bithaman 'Ajil. Perjanjian yang ada ialah perjanjian menerima sejumlah pinjaman pembelian rumah kedai, pada harga 80 peratus dari harga yang telah ditawarkan oleh pemaju, di samping kadar faedah yang telah dikenakan, serta jumlah bayaran yang wajib dibayar dan kadar faedah pinjaman yang mesti dijelaskan.

Apabila pelanggan tersebut tidak dapat membayar bayaran bulanan sekali, maka pelanggan telah dikenakan tunggakan faedah ke atas pinjaman yang tidak dapat dibayarnya. Tidak ada aqad jual beli yang berlaku antara pelanggan dengan MBF, yang ada hanya perjanjian pinjaman yang ada faedah riba. Jual beli berlaku antara pelanggan dengan pemaju, MBF tidak membeli rumah kedai itu dari pemaju

kemudian menjualnya dengan harga tangguh kepada pelanggan. Kedudukan MBF Finance dalam transaksi ini hanyalah sebagai pembiaya yang memberikan pinjaman semata-mata dan mengenakan faedah kepada pelanggannya di atas pinjaman yang telah dikeluarkannya.

MBF Finance scolah-olah telah mengambil kesempatan daripada pelancaran SPTF, tanpa mendapat mandat daripada Bank Negara, MBF Finance terus melancarkan Skim Senyum dan mendakwanya kepada pelanggan sebagai SPTF, tanpa memahami secara terperinci kaedah mekanisme SPTF dalam urusniaga jual beli yang berlandaskan *al-Bur Rithamān Āyl*. Pelanggan menyatakan; "Apabila pegawai yang melayani urusniaga di bawah Skim Senyum di tanya tentang bagaimakah kaedah urusniaga dengan cara Islam, dalam pembelian rumah kedai tersebut?, jawab mereka, tidak tahu"<sup>59</sup>.

"Skim Senyum" MBF Finance Berhad kemudiannya telah dihentikan, setelah beribu-ribu pelanggan telah berurusniaga dengan skim tersebut. Sehingga sekarang MBF Finance tidak pernah menyatakan kenapa "Skim Senyum" tersebut dihentikan dan tidak ada usaha dari MBF Finance untuk membetulkan kesilapan yang telah dilakukannya, kerana tidak ada pelanggan selama ini yang menyedari bahawa "Skim Senyum" MBF Finance Berhad itu sebenarnya tidak berlandaskan hukum Mu'amalat Islam.

---

<sup>59</sup>. Rujukan Agreement Fail No. TMP/2248-91/JBC4, Johor Bahru, ke atas rumah kedai, Lot 11738 di Taman Sri Pulai, Johor Bahru. Shb. Jun, 1992.

#### **(4) FASA KETIGA (AKHIR) SPTF.**

Fasa ketiga SPTF adalah fasa terakhir. Dalam tempoh 12 bulan sepanjang tahun 1994 diharapkan semua institusi kewangan dan bank di negara ini menawarkan kemudahan Skim Perbankan Tanpa Faedah, terutama dalam memberi pinjaman dan pembiayaan kepada pelanggan. Matlamat fasa terakhir difahamkan tidak ada rakyat yang tidak dapat menggunakan kemudahan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, tidak ada tempat institusi kewangan dan bank yang tidak menawarkan kemudahan Skim Perbankan Tanpa Faedah seperti di luar-luar bandar.

Sebelum akhir tahun 1994, iaitu sebelum berakhirnya fasa ketiga ini, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) berjaya mencatatkan sebanyak 37 buah bank perdagangan dan 12 buah bank saudagar serta 41 buah syarikat kewangan telah menawarkan perkhidmatan SPTF kepada cawangannya masing-masing di seluruh negara, sekalipun ada di antaranya hanya melaksanakan satu atau dua produk sahaja, seperti al-Wadiah, al-Mudarabah dan al-Bai' Bithaman Ajil sahaja.<sup>60</sup>

Dalam usaha meningkatkan jumlah institusi-institusi kewangan dan bank yang mencukupi, Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa semua bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan adalah layak untuk menyertai Skim Perbankan Tanpa Faedah, dengan syarat mereka memenuhi keperluan-keperluan minimum seperti berikut:<sup>61</sup>

---

<sup>60</sup>. BNM, Wang, hlm 153, 215, 229 & 364.

<sup>61</sup>. Ibid., hlm.362 - 364

- (i) Institusi kewangan tersebut mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tidak menghadapi laporan pemeriksaan yang serius;
- (ii) Ia mematuhi semua keperluan-keperluan berkanun dan peruntukan undang-undang, termasuk garispanduan-garispanduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara;
- (iii) Ia mempunyai pengalaman dan pegawai-pegawai terlatih untuk mengendalikan operasi SPTF; dan
- (iv) Menyediakan satu kertas kerja untuk dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia dengan menggariskan perkara-perkara berikut:-
  - (a) Modus operandi produk yang ditawarkan di bawah SPTF;
  - (b) Mengenalpasti cawangan yang akan menawarkan SPTF;
  - (c) Jenis deposit yang ditawarkan;
  - (d) Jenis pembiayaan yang ditawarkan;
  - (e) Haluan pelaburan;
  - (f) Kaedah pemisahan dana SPTF daripada dana perbankan konvensional;
  - (g) Keperluan-keperluan infrastruktur dan logistik, termasuk program latihan dan tenaga manusia;
  - (h) Aspek-aspek perakaunan, seperti akaun untung-rugi, kunci kira-kira dan dasar perakaunan yang akan diikuti;
  - (i) Butiran operasi harian, seperti penyeleng-garaan lejar, buku-buku akaun, kod-kod perakaunan khas dan komputerisasi;
  - (j) Dokumen-dokumen dan suratcara perjanjian yang berkaitan dengan setiap jenis deposit dan pembiayaan/pelaburan; dan
  - (k) Perniagaan-perniagaan yang berkaitan, termasuk perlindungan Takaful untuk SPTF;

Setelah permohonan untuk menawarkan SPTF diluluskan oleh Bank Negara, institusi kewangan dikehendaki untuk menubuhkan Unit Perbankan Tanpa Faedah (Interest-Free Banking Unit - IBU) di ibu pejabat mereka dengan fungsi-fungsi berikut:

- (i) Menguruskan segala aspek berhubung dengan operasi SPTF, termasuk perkara-perkara dasar dan prosedur;
- (ii) Mengadakan hubungan dengan jabatan-jabatan lain dalam institusi kewangan bagi memastikan kelincinan operasi SPTF;
- (iii) Memastikan dana yang dikumpulkan ke dalam Tabung Perbankan Tanpa Faedah disalurkan untuk pembiayaan dan aktiviti pelaburan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam;
- (iv) Mengatur program latihan untuk kakitangan mengenai perbankan Islam agar dapat menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan SPTF;
- (v) Mengatur penyusunan dan penyerahan laporan-laporan, yang dikehendaki untuk diserahkan kepada Bank Negara dari masa ke semasa;
- (vi) Memastikan bahawa semua peraturan dan garispanduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara berhubung dengan SPTF adalah dipatuhi sepenuhnya;

- (vii) Berperanan untuk membuat kajiselidik dan pengembangan yang berterusan dalam perbankan Islam untuk mengukuhkan dan memajukan lagi sistem kewangan Islam; dan
- (viii) Peranan dan tanggungjawab lain yang akan ditentukan oleh bank atau Bank Negara dari masa ke semasa.

Interest-Free Banking Unit (IBU) hendaklah diketuai oleh seorang pegawai kanan Muslim yang berpengalaman dan mempunyai kakitangan yang berkelayakan

Institusi kewangan yang menyertai SPTF dikehendaki untuk menyediakan satu tabung kerja yang jumlah minimum sekarang adalah RM1 juta. Tabung perbankan tanpa faedah (interest-free banking fund- IBF) mempunyai ciri-ciri berikut:-

- (i) Interest-Free Banking Fund (IBF) dibiayai melalui peruntukan dari ibu pejabat bank;
- (ii) IBF diletakkan di bawah IBU untuk membiayai segala operasi SPTF;
- (iii) Wang daripada tabung tersebut digunakan untuk menampung perbelanjaan "overhead" dan perkara-perkara berkaitan dengan operasi SPTF; dan
- (iv) Keuntungan dan bayaran yang diperolehi oleh SPTF hendaklah dikreditkan ke dalam IBF.

Institusi kewangan yang menyertai SPTF dikehendaki menyediakan dokumen lengkap yang sejajar dengan kehendak Shariah. Dokumen yang lengkap hendaklah dihantar ke Bank Negara untuk disemak. Semua dokumen (termasuk lejar, pendaftaran, slip pembayaran, cek, penerimaan dan buku simpanan) yang digunakan dalam SPTF perlu ditandakan dengan betul supaya mudah dikenali dan dibezakan daripada dokumen-dokumen lain.

Institusi kewangan dikehendaki menyediakan tatacara untuk operasi SPTF, menyediakan set-set formula yang betul untuk digunakan dalam urusniaga SPTF, serta menjalankan audit dalaman ke atas operasi SPTF. Peraturan-peraturan diperketatkan untuk memastikan SPTF dijalankan dengan perancangan yang rapi dan dasar yang teliti untuk memastikan kejayaan."

## 5. KESIMPULAN:

Latar belakang sejarah perkembangan sistem Mu'amalat Islam, dalam institusi kewangan Islam dan bank Islam telah merakamkan suatu persediaan yang sangat baik, kepada pelaksanaan sistem Mu'amalat Islam di Malaysia. Bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad, adalah suatu kekuatan asas yang menjadi rujukan, bahkan menjadi pusat penggerak yang berkesan dan praktis dalam perkembangan Skim Perbankan Tanpa Faedah yang dilancarkan kemudiannya. Sambutan umum pelanggan yang tidak hanya terbatas kepada masyarakat Islam, tetapi juga mendapat sambutan yang sangat menggalakan di kalangan bukan Islam, adalah menunjukkan bahawa sistem ekonomi Islam adalah suatu sistem yang syumul dan alamiyyah, dapat diterima oleh semua pihak di semua tempat, tanpa dibatasi masa dan sebagainya.

Institusi kewangan konvensional perlulah memberi laluan yang sebaik-baiknya kepada perlaksanaan *Mu'amalat Islam*, kerana ia jelas dapat membuktikan kemampuanya menyelesaikan keperluan urusniaga kewangan masa kini. Institusi kewangan konvensional tidak perlu takut rugi kepada perbankan Islam yang tidak mengamalkan riba. Riba adalah suatu penindasan yang penuh kezaliman, maka kerana itu riba tidak menjamin keuntungan yang sebenar dan bermakna. Sekim Perbankan Tanpa Faedah memberi keadilan kepada semua pihak, samada kepada pelanggan mahupun institusi kewangan dan bank. Keadilan pasti menjanjikan keuntungan yang lebih baik daripada interest riba yang menindas semua pihak.

Bank Islam Malaysia wajar memperbanyakkan lagi cawangannya di seluruh Malaysia, bagi menyelamatkan urusniaga umat Islam daripada terlibat dengan urusniaga riba, di samping membuktikan Bank Islam mampu menjalankan urusniaganya berdasarkan lunas-lunas Shara<sup>e</sup> sepenuhnya. Kerajaan Pusat dan Negeri, jabatan-jabatan kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi wajar mendukung perkembangan Bank Islam Malaysia Berhad dengan mengutamakannya sebagai tempat pertama berurusniaga. Tanpa sokongan bulat umat Islam, Bank tidak mampu meluaskan operasinya dengan mantap dan cepat di semua tempat, sekurang-kurangnya untuk tempoh menyambut 20 tahun kelahirannya.